

TEGURAN MASYARAKAT MELAYU DALAM
KOLEKSI SELOKA TERPILIH. SATU ANALISIS
MODEL SMCR OLEH WILBUR SCHRAMM

MUHAMMAD RIDZUAN BIN MOHD AHDIL
C17A0141

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2021

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Teguran Masyarakat Melayu dalam Koleksi Seloka
Terpilih. Satu Analisis Model SMCR oleh Wilbur
Schramm

Oleh

Muhammad Ridzuan bin Mohd Ahdil

Laporan ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

PERAKUAN

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Pelajar



MUHAMMAD RIDZUAN BIN MOHD AHDIL

Tarikh: 02/02/2021

Tandatangan Penyelia



DR. NORDIANA BINTI AB JABAR
Jabatan Pengajian Warisan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
nordiana.aj@umk.edu.my
0173907819 2/2/2021

DR. NORDIANA BINTI AB JABAR

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

PENGHARGAAN

Segala Pujian Ke-Hadrat Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Selawat dan Salam keatas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W dan seluruh ahli keluarga Baginda.

Saya ingin memanjatkan rasa setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas segala Rahmat-Nya dan Izin-Nya, penyelidikan dan penulisan tesis ini dapat saya selesaikan dengan jayanya. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Dr. Nordiana binti Ab Jabar atas nasihat, bimbingan dan teguran sepanjang saya menyelesaikan penyelidikan dan penulisan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua pensyarah elektif Kesusasteraan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan yang memberikan kerjasama yang baik dan tunjuk ajar secara langsung mahupun tidak langsung. Bimbingan dan perhatian yang diberikan kepada saya akan dijadikan sebagai sebuah ingatan dan kenangan yang tidak dilupakan. Penghargaan ini juga ditujukan kepada tempat pengajian saya iaitu Universiti Malaysia Kelantan serta Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan khususnya.

Penghargaan terima kasih juga kepada keluarga saya yang tercinta Mohd. Ahdil bin Mohamed Saperi dan Nahrul Azzuani binti Ahmad Nafiah di atas semangat dan sokongan yang berterusan kepada saya dalam menyiapkan penyelidikan dan penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua yang membantu secara langsung mahupun tidak langsung yang sudi memberikan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya ucapkan kepada pihak pentadbiran dan pengurusan Perpustakaan Awam Kuala Kangsar, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu (PPI), Universiti Malaysia Kelantan, Bachok dan juga Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Kota Bharu yang telah banyak memberikan kerjasama ketika saya memerlukan bahan-bahan berkaitan dengan tajuk kajian saya.

Akhir kata, saya doakan semoga kita semua diberikan kesihatan yang berpanjangan. Segala yang baik datangnya daripada Allah S.W.T dan segala yang buruk datangnya daripada diri saya sendiri.

Sekian, Assalamualaikum warahmatullah wabarokatuh.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Definisi Konsep	3
1.4 Penyataan Masalah	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Persoalan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	7
1.8 Kepentingan Kajian	8
1.9 Kesimpulan	8
BAB 2 KAJIAN LEPAS	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Kajian Tentang Teguran	10
2.3 Kajian Tentang Seloka	13
2.4 Kajian Tentang Teori Komunikasi	16
2.5 Kesimpulan	19
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	20
3.2 Reka Bentuk Kajian	20
3.2.1 Kaedah Kualitatif	21

	3.2.2 Kaedah Kepustakaan	21
	3.2.3 Kaedah Teks	22
	3.2.4 Kaedah Pengumpulan Data	22
	3.2.5 Sumber Internet	23
	3.3 Penggunaan Teori	23
	3.4 Kesimpulan	24
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	
	4.1 Pengenalan	22
	4.2 Definisi Seloka	22
	4.3 Teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih dengan mengaplikasikan Model SMCR daripada Wilbur Schramm	
	4.3.1 Sindiran	27
	4.3.2 Teguran	29
	4.3.3 Halus	31
	4.3.4 Kasar	34
	4.3.5 Nasihat	36
	4.4 Kesan teguran kepada masyarakat Melayu kini melalui koleksi seloka terpilih	
	4.4.1 Pembinaan akhlak masyarakat Melayu yang kukuh	39
	4.4.2 Melahirkan masyarakat Melayu yang berfikiran rasional	41
	4.4.3 Pembinaan jati diri yang teguh dalam kalangan masyarakat Melayu	43
	4.4.4 Mewujudkan sifat keyakinan diri dalam kalangan masyarakat Melayu	45
	4.4.5 Mewujudkan sifat kasih sayang dalam kalangan masyarakat Melayu	47
	4.5 Kesimpulan	49
BAB 5	KESIMPULAN	
	5.1 Pengenalan	51

5.2 Perbincangan	52
5.3 Cadangan	54
5.4 Kesimpulan	55
Rujukan	57
Lampiran	59



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Teguran Masyarakat Melayu dalam Koleksi Seloka Terpilih: Satu Analisis Model
SMCR oleh Wilbur Schramm**

ABSTRAK

Harun Mat Piah (1989:122) menyatakan bahawa perkataan seloka berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu "*shloka*" yang membawa kepada maksud sebuah puisi yang terdiri daripada dua baris. Manakala Zainal Abidin bin Ahmad (1976) berpendapat seloka ialah sebuah puisi karangan berangkap di mana setiap hujung atau rimanya tidak tetap dan mempunyai pertentangan. Kebanyakan karya seloka berunsurkan jenaka, sindiran dan kritikan kepada tingkah laku dan keperibadian masyarakat Melayu pada ketika itu. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah berkaitan dengan teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka dengan mengaplikasikan Model SMCR oleh Wilbur Schramm. Kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan di mana bahan-bahan bertulis dan bercetak seperti artikel, jurnal, buku dijadikan bahan rujukan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti, menganalisis dan membincangkan tentang teguran masyarakat Melayu yang terdapat di dalam seloka terpilih. Hasil kajian mendapati setiap teguran yang disampaikan merupakan kepincangan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika itu. Penyampaian teguran secara berlapis dan berkias dengan menggunakan nada bergurau mampu memberikan kesan penegasan dalam setiap jiwa masyarakat Melayu yang mendengarnya

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Reprimand the Malays in selected Seloka Collection: an Analysis Model SMCR
by Wilbur Schramm**

ABSTRACT

Harun Mat Piah (1989: 122) states that the word seloka is derived from the Sanskrit word "*shloka*" which leads to the meaning of a poem consisting of two lines. Whereas Zainal Abidin bin Ahmad (1976) argues that fiction is a poetic poem in which each end or rim is irregular and contradictory. Most of the work seloka oriented jokes, satire and criticism on the behavior and personality of the community at the time. The study conducted by researchers associated with the strike is the Malay community in seloka collection by applying the Model SMCR by Wilbur Schramm. The study also used the library method where written and printed materials such as articles, journals, books were used as reference material by the researcher in carrying out this study. This study aims to identify, analyze and discuss the Malay community that there is a strike in seloka elected. The study found that each warning delivered an imbalance that occurs in the life of the community at the time. Presentation strike for mattresses and allegorical using joked could give the impression affirmation in every soul who hears the Malay community.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Za'ba (1965:28) mendefinisikan puisi sebagai karangan berangkap, khas dipakai dengan melafazkan buah fikiran yang cantik dengan menggunakan bahasa yang indah, manis dan kreatif. Selain itu, Za'ba juga mengatakan bahawa karangan berangkap ialah yang disusun dengan bahagian-bahagian yang berkerat-kerat. Antara sekerat dengan sekerat itu biasanya bunyi, rentak atau isinya berpasangan serta kebanyakannya memakai timbangan atau sukatan tertentu. Penulis puisi dalam kalangan orang Melayu yang pertama ialah Omar Mustaffar. Contoh karya puisinya bertajuk "*Angin-angin dengan Gurindam*" yang telah disiarkan dalam akhbar Utusan Melayu bertarikh 18 Januari 1913. (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).

Ciri-ciri puisi tradisional adalah seperti berikut; memperlihatkan penggunaan bahasa yang baik dan indah. Kedua, mempunyai bentuk tertentu, berkerat-kerat atau berurutan. Selain itu, ciri ungkapan kata dan bahasa yang dipengaruhi dengan unsur muzik, itonansi, rentak, irama dan bunyi yang harmoni. Seterusnya, baris dan rima disusun membentuk pola atau ikatan tertentu. Selain daripada itu, puisi tradisional ialah bersifat lisan, diwarisi dan disebarkan dari mulut ke mulut melalui lisan atau penceritaan yang mana fungsinya bersifat kolektif dalam kehidupan masyarakat tradisional. Binaanya adalah bersifat terikat yang mana memberi sebagai memberi pengajaran, hiburan, ritual dan keagamaan. Ada puisi yang dianggap suci dan berkait rapat dengan sistem kepercayaan sebagai contoh Adat Perpatih. Bahasanya pula ada unsur-unsur perlambangan, imejan, kiasan dan perbandingan untuk menyatakan sesuatu dan melahirkan buah perasaan dalam hati.

Kajian ini memfokuskan kepada teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka sebagai sebuah karya sastera dalam mendidik dan memberi pengajaran atau teladan yang baik kepada masyarakat. Seloka merupakan karya puisi Melayu yang bersifat fungsional dan mampu memberikan gambaran yang positif kepada masyarakat Melayu kini dengan teguran-teguran yang diselitkan oleh pengarang melalui karya puisi seloka yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan harian. Hal ini demikian kerana, fungsi karya sastera itu sendiri ialah sebagai memberikan pengajaran kepada masyarakat Melayu melalui pembacaannya dalam seloka-seloka seperti *seloka Pak Pandir*, *seloka Pak Kaduk*, *seloka Emak Si Randang*, *seloka Si Luncai* dan *seloka Mat Jenin*.

1.2 Latar Belakang Kajian

Shahnon Ahmad (1991:3) telah menjelaskan bahawa seni sastera merupakan satu 'seismograf' yang membawa maksud kepada sejenis mesin dalam mencatatkan perihal 'gerak gempa'. Bagi beliau, mengukur segala gerak gempa bumi adalah dengan menggunakan alat seismograf, manakala dalam sastera pula mencatatkan kepada kesengsaraan, halangan dan rintangan seperti 'gerak gempa' dalam kehidupan manusia. Sastera wujud daripada persekitaran yang ada disekeliling manusia. (Jejak Tarbiah, 2019).

Bagi Sahlan (2005:125) pula menyatakan kejayaan sesebuah karya sastera dapat dinilai daripada keupayaannya dalam menjadi perantara sosial dalam memungkinkan kepada kefahaman dan penilaian semula nilai kehidupan. (Jejak Tarbiah, 2019). Menurut Harun Mat Piah (1989:316), kesusasteraan Melayu tradisional terdiri daripada pelbagai genre seperti seloka, pantun, syair, nazam, talibun, teromba, mantera, gurindam, prosa berirama, teka-teki, dikir dan peribahasa berangkap.

Seloka adalah untuk menyampaikan teguran seperti jenaka, sindiran dan kritikan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu. Penyampaian teguran ini iaitu

secara jenaka, sindiran, dan kritikan adalah secara berlapis dan berkias dalam nada bergurau dengan intonansi yang lemah lembut. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam karya seloka untuk menyampaikan teguran adalah lambang kepada makna yang tersirat agar setiap teguran dan kiasan yang dilontarkan mampu memberi kesan penegasan pada jiwa setiap masyarakat Melayu.

1.3 Definisi Konsep

Kamus Dewan mendefinisikan teguran kepada membawa maksud kata-kata untuk menegur, memberi amaran dan peringatan atau boleh juga sebagai nasihat daripada seseorang kepada orang lain. Dalam kehidupan seharian, kita pasti akan sentiasa bertemu dengan pelbagai ragam dan karenah seseorang daripada pelbagai kedudukan sosial. Keadaan ini memerlukan kita untuk bijak membuat teguran dan mengatasi masalah apabila disekeliling kita atau dalam kedudukan sosial ada melakukan sesuatu perkara yang tidak baik atau buruk untuk dilihat atau dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Terdapat beberapa kaedah dalam membuat teguran seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW, iaitu segera membetulkan kesalahan, menegur kesilapan dan menerangkan hukuman yang setimpal, tidak mudah menyalahkan orang lain, menegur kesalahan orang lain secara berhemah, dan juga sentiasa memperbetulkan kesalahan orang lain jika ada. Hal ini demikian menunjukkan bahawa dalam Islam adanya adab dalam memberi dan menerima sesuatu teguran daripada orang lain. Oleh itu, teguran yang diterima akan membuat seseorang itu tidak mudah marah dan cepat untuk mengubah dirinya sendiri. (JAKIM Sabah, 2014).

Melayu ialah mereka yang fasih bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat-adat resam orang Melayu. Menurut Perlembagaan Malaysia, Melayu hanya merujuk kepada seseorang yang berketurunan Melayu dan menganut agama Islam. Istilah

Melayu itu sendiri merujuk kepada nama sesuatu bangsa atau bahasa adalah suatu perkembangan yang agak baru dari segi sejarah iaitu setelah wujudnya Kesultanan Melayu Melaka. Walau bagaimanapun, sehingga abad ke-17 istilah Melayu merujuk kepada bangsa semakin luas digunakan.

Di Malaysia khususnya, orang Melayu didefinisikan menurut Perlembagaan iaitu Perkara 160(2) menyatakan orang Melayu sebagai seorang yang beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat orang Melayu dan lahir sebelum hari merdeka atau di Singapura atau pada hari merdeka. Pada masa yang sama juga, dia bermastautin di Persekutuan atau di Singapura. Bagi Syed Husin Ali, orang Melayu itu dari segi zahir adalah berkulit sawo matang, berbadan sederhana besar dan tegap serta berlemah lembut dan berbudi bahasa.

Menurut Harun Mat Piah (1989:122), perkataan seloka itu sendiri berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu "*shloka*" yang membawa pengertian kepada puisi yang terdiri daripada dua baris. Za'ba (1976) pula berpendapat, seloka adalah puisi karangan yang berangkap di mana bunyi hujung atau rimanya tidak tetap dan mempunyai pertentangan. Bilangan pada baris adalah terhad dan pada satu-satu rangkap juga bilangannya tidak menentu. Kebanyakan karya puisi seloka berunsurkan jenaka, sindiran dan kritikan kepada tingkah laku dan keperibadian seseorang atau sekelompok masyarakat Melayu pada masa itu.

Selain itu, penghasilan sesebuah karya puisi seloka adalah bertujuan menyampaikan teguran seperti jenaka, sindiran dan kritikan yang berlaku kepincangan dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika itu. Penyampaian teguran ini adalah secara berlapis dan berkias dalam nada bergurau dengan intonansi yang lembut. Melalui penghasilan seloka ini juga dapat menghebahkan dan menjelaskan kepada pembaca bahawa budaya masyarakat Melayu dahulu tidak menyampaikan teguran atau tidak mengkritik tingkah laku dan keperibadian secara terus tetapi menggunakan cara yang halus dan lembut dalam menyampaikan teguran melalui karya seloka. Perkataan-

perkataan yang digunakan dalam karya seloka untuk menyampaikan teguran adalah lambang kepada makna yang tersirat agar setiap teguran dan kiasan yang dilontarkan mampu memberi kesan penegasan pada jiwa setiap masyarakat Melayu.

Teori Komunikasi atau Komunikasi Massa diperkenalkan oleh Wilbur Schramm pada tahun 1982 dengan mengemukakan empat elemen melalui sebuah model iaitu sumber (*source*), mesej (*message*), saluran (*channel*) dan penerima (*receiver*). Keempat-empat elemen dalam model berkenaan boleh digunakan sebagai sandaran bagi melihat fungsi kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wahana komunikasi massa. Selain itu, komunikasi adalah suatu proses penyebaran maklumat dan hiburan kepada seluruh manusia. Hal ini berbeza dengan masyarakat kontemporari, masyarakat Melayu tradisional menggunakan karya sastera sebagai medium komunikasi bertujuan menjadi suatu kepentingan untuk menyampaikan mesej dan maklumat kepada masyarakat Melayu dahulu.

1.4 Pernyataan Masalah

Kajian ini ingin membicarakan teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih, iaitu seloka Melayu yang terkandung di antara hasil karya kesusasteraan Melayu yang popular. Hal ini demikian kerana, pengkaji ingin mendedahkan kepada generasi masa kini akan koleksi-koleksi seloka Melayu yang dikategorikan sebagai karya Melayu popular pada zaman dahulu sehingga sekarang.

Sastera sememangnya dijadikan sebagai satu medium komunikasi bagi masyarakat Melayu tradisional dahulu. Medium komunikasi ini juga boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu bentuk sastera lisan dan bentuk sastera bertulis. Oleh yang demikian, kajian ini akan memperlihatkan kedudukan kesusasteraan Melayu tradisional dalam medium komunikasi. Manakala sastera kontemporari memperlihatkan kepada kepelbagaian medium komunikasi seperti majalah, radio dan sebagainya.

Hal ini demikian kerana, kesusasteraan Melayu kurang mendapat perhatian pada generasi masa kini. Ini dibuktikan melalui pandangan Ariffin Said (2006:9) dalam penulisan "*Tradisi Lisan: Satu Penilaian Semula*" ada menyatakan bahawa kesusasteraan Melayu merupakan khazanah yang hilang. Pernyataan Ariffin Said juga disokong oleh beberapa sarjana yang lain seperti Norazit Selat (2006:9) & Zubir Ali (2006:9) juga dalam penulisan "*Tradisi Lisan: Satu Penilaian Semula*" turut mengatakan bahawa mereka bimbang terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu yang semakin hilang dan lenyap kerana kurangnya usaha pendedahan, pengumpulan dan pedokumentasi oleh pihak berkepentingan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan melihat bagaimana teks-teks puisi seloka menjadi medium komunikasi massa kepada masyarakat Melayu tradisional pada masa itu apabila penghasilan sesebuah karya puisi seloka itu adalah bertujuan teguran, sindiran, ejekan, pengajaran yang secara langsung membina jati diri masyarakat Melayu itu sendiri.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan satu keperluan dalam penyelidikan untuk memastikan kajian pengkaji mencapai tujuan yang sebenar. Antara objektif kajian adalah:

- 1.5.1 Mengenal pasti konsep seloka secara umum.
- 1.5.2 Menganalisis jenis-jenis teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih dengan mengaplikasikan Model SMCR oleh Wilbur Schramm.
- 1.5.3 Membincangkan kesan teguran kepada masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih.

1.6 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dikenalpasti untuk mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian ini. Beberapa persoalan kajian adalah seperti berikut:

- 1.6.1 Apakah yang dimaksudkan dengan seloka?
- 1.6.2 Bagaimana jenis-jenis teguran masyarakat Melayu yang terdapat dalam koleksi seloka terpilih dengan mengaplikasikan Model SMCR oleh Wilbur Schramm?
- 1.6.3 Apakah kesan teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih?

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian ini akan dilakukan berdasarkan kepada teks-teks koleksi seloka Melayu yang terpilih iaitu *Puisi Melayu Tradisional* karya Zurinah Hassan dan *Rampai Sari Puisi Melayu* yang diselenggara oleh Mohd. Yusof Md. Nor. Oleh itu, pengkaji ingin memfokuskan kepada teks-teks yang di atas sebagai pelaksanaan dan penyempurnaan kepada kajian yang ingin dilakukan.

Analisis terhadap teks-teks seloka Melayu ini adalah bertujuan untuk menyenaraikan pelbagai teguran orang Melayu dalam koleksi seloka ini terhadap masyarakat setempat pada masa dahulu. Hal ini demikian kerana, pengkaji ingin membuktikan bahawa masyarakat Melayu pada zaman tradisional pandai dalam menasihati dan menegur dengan menggunakan bahasa-bahasa yang baik dari perkataannya atau bahasa kiasan.

Selain daripada yang dinyatakan diatas, kajian ini turut membataskan kepada skop kajian dengan menggunakan model SMCR oleh Wilbur Schramm. Pengkaji menggunakan pendekatan konseptual daripada model berkenaan dengan menganalisis

teks seloka yang peranannya adalah sebagai sebuah alat komunikasi yang berkesan bagi menyampaikan teguran, maklumat atau mesej kepada masyarakat Melayu. Ianya dijadikan sebagai sandaran dan panduan untuk melihat fungsi karya sastera Melayu dalam medium komunikasi.

1.8 Kepentingan Kajian

Pengaplikasian teori komunikasi terhadap puisi seloka ini masih belum banyak lagi dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Oleh itu, langkah untuk melaksanakan kajian ini mungkin sedikit sebanyak dapat memperbanyakkan lagi kajian sedia ada. Selain itu juga, kepentingan kajian ini juga penting kerana belum banyak kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji akademik dan ilmiah berkenaan dengan teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih dengan mengaplikasikan Teori Komunikasi di dalam kajian. Oleh itu, dengan kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pihak Universiti dan menjadi panduan kepada pelajar sebagai sumber rujukan sampingan dalam pendidikan dan projek kajian.

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, karya sastera merupakan suatu daripada karya seni yang bersifat kreatif iaitu mampu mendidik keperibadian, kelakuan dan perbuatan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu. Karya seloka sering memberikan teguran dengan menggunakan kaedah jenaka, sindiran, dan kritikan yang bersifat positif atau negatif kepada pembaca dalam membina masyarakat Melayu bertamadun. Hal ini demikian kerana, sebagai masyarakat yang gemar membaca, memahami dan mempelajari akan mendatangkan ruang fikiran yang berbeza dan penuh dengan sifat berhati-hati. Pernyataan ini disokong lagi melalui satu laporan statistik daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada tahun 2010 dimana purata buku yang

dibaca oleh seorang rakyat Malaysia antara dua hingga lapan buku setahun. Ini menunjukkan peningkatan daripada dua laporan statistik yang pernah dikeluarkan oleh PNM iaitu pada 1996 dan 2005. (Klik Web DBP). Karya sastera juga bukan sahaja berfungsi hiburan semata-mata tetapi merupakan satu cara masyarakat Melayu dahulu dalam mendidik, dan mengajar dengan teguran-teguran melalui karya-karya sastera.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Pada bab kali ini, pengkaji akan membincangkan teori komunikasi dan puisi-puisi tradisional, misalnya seloka dan yang berkaitan tajuk kajian dengan kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji lain bagi memperlihatkan perkembangan dan memartabatkan karya sekolah oleh pengkaji lain secara mendalam. Seterusnya, pengkaji akan melihat bagaimana penulisan kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji lain berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji sendiri.

2.2 Kajian Tentang Teguran

Marlyna Maros (2011) dalam kajian bertajuk "*Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran*" membincangkan kepada strategi kesantunan Melayu dalam membuat teguran. Hal ini demikian kerana, kajian ini merupakan dapatan dari kajian lakuan bahasa oleh penutur asli bahasa Melayu dalam kalangan profesional muda. Kajian beliau memperoleh data melalui kaedah kualitatif seperti interaksi separa-asli yang merupakan rakaman interaksi dalam membuat teguran yang berpandukan kepada stimulus dan wawancara separa-terancang apabila selesai rakaman. Dalam dapat kajian pula, beliau berpendapat ada persamaan dalam strategi kesantunan oleh penutur bahasa Melayu dan penutur asli bahasa Cina di Amerika Utara. Dalam dua kajian ini menyatakan persamaan dalam strategi yang digunakan untuk menyampaikan satu perkara yang berat daripada penutur bahasa dari Timur. Beliau menambah bahawa penutur asli Timur amnya, dan penutur asli Melayu khasnya masih lagi berpegang kepada nilai budaya mereka biarpun telah melangkaui proses urbanisasi, modernisasi dan globalisasi dalam

memberikan pendedahan kepada banyak bahasa dan budaya yang asing di Barat iaitu dengan memahami apabila melibatkan kepada komunikasi antara budaya dalam pelbagai konteks.

Selain itu, Arina Johari & Indirawati Zahid (2016) dalam kajiannya bertajuk "*Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat*" menyatakan bahawa memberi dan meminta nasihat merupakan suatu tindakan linguistic yang kompleks yang memerlukan penghayatan kepada norma-norma dalam kesantunan budaya tertentu untuk melaksanakannya lebih-lebih lagi kepada rancangan bual bicara radio yang berorientasikan kepada panggilan masuk. Ketidakhahaman dalam aspek-aspek ini boleh menyebabkan nasihat sering kali tidak dialu-alukan dan diterima, juga boleh mencetuskan konflik antara penutur dan penerima semasa berkomunikasi. Beliau juga menerangkan ujaran memberi dan meminta nasihat daripada peserta perbualan dalam struktur isi rancangan bual bicara dianalisis dalam aplikasi lima metode seperti muat turun bahan, analisis teks, transkripsi, pelabelan dan pengekodan juga boleh melalui kaedah kuantitatif. Kajian beliau turut memperlihatkan kepada beberapa faktor kekangan seperti masa siaran dan kehadiran khalayak yang turut menumpang dengar ialah antara faktor signifikan untuk mempengaruhi dalam pemilihan strategi kesantunan perbualan peserta.

Seterusnya, kertas kerja bertajuk "*Kefahaman dan Pengamalan Akhlak dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah*" oleh Mohd. Khairi Shafiq & Mohamad Khairi Haji Othman (2016) menyatakan bahawa akhlak yang baik adalah daripada kefahaman ilmu pengetahuan yang diperolehi secara formal dan tidak formal kerana e=kepincangan akhlak timbul dalam masyarakat dan sukar dibendung lagi. Pengkaji menegaskan tujuan kajiannya adalah mengenalpasti tahap kefahaman dan amalan akhlak dalam kalangan pelajar, menentukan perbezaan berdasarkan kepada demografi, jantina dan tempat tinggal. Seterusnya, pengkaji menambah, terdapat sebahagian kecil responden tidak mengamalkan apa yang mereka faham

berkaitan akhlak. Oleh itu, pengkaji mendapati implikasi terhadap penekanan aspek pengamalan ajaran Islam sangat penting agar menjadi seorang muslim yang mengamalkan akhlak dalam kehidupan harian dengan berlandaskan kepada Al-Quran dan As-Sunnah.

Selain daripada di atas, kertas kerja oleh Nurfaizal (2017) dengan tajuk "*Introducing and Teaching Tunjuk Ajar Melayu as a Corruption Prevention Strategy*" dalam kajiannya menyatakan bahawa rasuah telah menyebabkan kerosakkan kepada kehidupan bangsa dan negara. Oleh sebab itu, Kerajaan Indonesia telah menubuhkan sebuah agensi yang dinamakan sebagai Suruhanjaya Pembanterasan Rasuah (KPK) yang mana pelbagai usaha dilakukan oleh KPK untuk membasmi dan mencegah rasuah di Indonesia seperti meningkatkan dan memasyarakatkan nilai-nilai murni kepada kearifan tempatan. Di Riau, nilai-nilai murni ini dikenali sebagai 'Tunjuk Ajar Melayu' (TAM) yang mengandungi pengajaran kebaikan demi memartabatkan dan memuliakan masyarakat. Pengkaji dengan harapan mengharapkan TAM dapat dijadikan nilai-nilai murni kepada kearifan tempatan yang boleh diterima dan diamati oleh orang Melayu. Justeru, rasuah yang berleluasa di Indonesia akan dicegah dengan berkesan sekiranya orang Melayu mengamalkan nilai-nilai murni atau 'Tunjuk Ajar Melayu'.

Berikutnya, kajian oleh Khairul Azhar Meerangani (2017) bertajuk "*Kaedah Pembentukan Karakter Anak-Anak Menurut Islam: Analisis Surah Luqman*" menjelaskan bahawa anak-anak merupakan anugerah dan amanah daripada Allah buat insan terpilih bergelar ibu dan bapa. Pengkaji menyatakan, para ibu bapa perlu memainkan peranan sangat penting dalam membentuk karakter anak-anak mereka ke arah yang diredai Allah seperti mana yang telah dirakamkan dalam Al-Quran melalui surah Luqman. Hal ini dapat dijelaskan, kegigihan Luqman dalam mendidik anaknya dan berkatwa kepada Allah sewajarnya dijadikan sebagai panduan kepada ibu bapa untuk membentuk keperibadian anak-anak berteraskan konsep Islam. Pengkaji menambah, dengan adanya kajiannya dapat dijadikan sebagai model rujukan buat ibu bapa sebagai kaedah

alternatif terbaik dalam mengasuh dan mendidik anak-anak pada zaman yang penuh mencabar ini.

2.3 Kajian Tentang Seloka

Kertas kerja bertajuk "*Puisi-Puisi Melayu Tradisional dalam Drama Bukan Lalang Ditiup Angin (1970) karya Noordin Hassan*" oleh Nik Fazli Mohamad & Samsina Abd. Rahman tahun 2015 menjelaskan bahawa Noordin Hassan berani dalam mengutarakan konsep drama baru yang bersifat antirealism selain keunikan dan kekreatifan beliau menggunakan genre puisi dalam kesemua dramanya. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dengan mengumpul menganalisis jenis-jenis puisi Melayu dalam drama Noordin Hassan yang bertajuk *Bukan Lalang Ditiup Angin (1970)*. Pengkaji juga menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci yang diasaskan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2012).

Selain itu, "*Keintelektualan Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara: Penelitian Awal Berdasarkan Perspektif Pendekatan Pengurusan*" oleh Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015) menyatakan bahawa dalam cerita *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* terdapat unsur pengurusan dengan mengaplikasikan Pendekatan Pengurusan iaitu sebagai pendekatan yang baharu dalam dunia kritikan sastera di Malaysia. Pengkaji menambah bahawa kajiannya menggunakan Prinsip Kepimpinan iaitu salah satu prinsip yang diketengahkan dalam Pendekatan Pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Seterusnya, pengkaji menyatakan papara dalam tradisi keilmuan jelas memperlihatkan kepada kreatif minda dan intelektual pemikiran masyarakat Melayu tradisi dalam sastera lisan sebagai khazanah warisan yang unggul dan agung. Keintelektualan pemikiran keilmuan yang dipaparkan dalam teks kajian amat signifikan dan relevan dalam memperjalskan

kebijaksanaan dan ketajaman imaginasi dan sensitiviti pengarang khususnya melibatkan aspek kepimpinan.

Seterusnya, *“Memahami Meme Sebagai Seloka Harian: Impak Dimensi Sosiobudaya dan Politik”* oleh Faizul Nizar Anuar, Fauziah Ahmad, Sabariah Mohamed Salleh & Badrul Redzuan Abu Hassan (2016) menjelaskan dalam kajiannya bahawa kemajuan teknologi komunikasi telah banyak mendatangkan kemudahan kepada penggunanya untuk berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain. Pengkaji mengatakan, fenomena berbentuk ‘Meme’ menjadi semakin popular dan telah menjadi trend bagi kebanyakan pengguna Internet sehingga kehadiran meme ini telah dikongsi dan ditularkan oleh pengguna media sosial. Pengkaji menambah, kehadiran meme dilihat sebagai satu medium meluahkan perasaan dan rasa hati terhadap sesuatu perkara. Kesan penghasilan meme dalam masyarakat Malaysia adalah penting untuk mengenal pasti keberkesanan saluran meme dalam menyampaikan sesuatu perkara yang menarik untuk diperbincangkan.

Selain daripada di atas, kajian daripada Shafa’atussara Silahudin (2017) bertajuk *“Persembahan Syair, Pantun, Gurindam, Seloka, Nazam, Zikir dan Nasyid dalam Teks-Teks Klasik dari Abad ke-14 sehingga Abad ke-19”* menyatakan bahawa kajian ini dilakukan untuk mendapat gambaran dari bentuk nyanyian masyarakat Melayu tradisional dari abad ke-14 hingga abad ke-19 yang mana sebanyak dua belas (12) teks klasik telah dipilih iaitu *Hikayat Bayan Budiman, Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Raja Pasai, Hikayat Pandawa Lima, Hikayat Inderaputra, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Bustan as-Salatin, Hikayat Hang Tuah, Misa Melayu, Adat Raja Melayu dan Syair Seratus Siti*. Oleh itu, penelitian pengkaji telah mendapati tujuh bentuk nyanyian masyarakat Melayu ketika itu, seperti syair, pantun, gurindam, seloka, nazam, zikir dan nasyid. Pengkaji menambah setiap nyanyian ini disertakan pengenalan alat muzik sebagai mengiringi persembahan nyanyi, turut diberikan perhatian dalam kertas kajiannya.

Berikutnya, Nor Hasimah Ismail, Melor Fauzita Md. Yusoff, Nazilah Mohamad & Julizayati Shukor (2017) yang bertajuk *“The Human Capital in Seloka Pak Kaduk”* menerangkan bahawa seloka adalah sebuah puisi tradisional Melayu yang merupakan suatu kesatuan kandungan dan idea yang lengkap dalam mengandungi pengajaran-pengajaran seperti sindiran dan nasihat. Dari segi bentuk, seloka terbahagi kepada dua atau empat baris. Kandungan dalam seloka kebiasaannya terdiri daripada mesej yang halus dan tajam. Pengkaji menambah, modal insan boleh dikembangkan kepada tiga aspek utama seperti watak yang baik, prinsip dan falsafah yang kuat serta berintegriti iaitu berwawasan. Pembangunan modal insan mestilah diberi tumpuan. Hal ini demikian kerana, modal insan yang berkualiti merupakan elemen penting dalam mencapai kehidupan yang holistik. Pengkaji turut menyatakan nilai yang terdapat dalam seloka Pak Kaduk yang dapat membantu membina hati serta aspek luaran dan dalaman seseorang. Modal insan yang diperoleh mampu melahirkan seseorang yang berfikiran secara rasional, kreatif dan kritis.

Kajian seterusnya bertajuk *“Meme Sebagai Seloka Persendaan dan Parodi: Impak Dimensi Sosiobudaya”* oleh Faizul Nizar Anuar, Fauziah Ahmad & Sabariah Mohamed Salleh (2018) menyatakan dengan jelas dalam kajiannya bahawa perkongsian maklumat menerusi Internet bukanlah suatu perkara yang baru dalam kalangan masyarakat. Pengkaji menambah, keadaan ini dirancakkan lagi dengan kehadiran pelbagai media teknologi dan komunikasi sebagai alat berkomunikasi dan menyampaikan sesuatu maklumat. Selain itu, kandungan meme dilihat sebagai satu medium penyampaian maklumat mengenai suatu isu hangat ataupun kontroversi. Ada di antaranya sengaja dihasilkan sebagai mempersendakkan seseorang menerusi peniruan sesuatu perkara contohnya dalam bentuk gambar atau video parodi. Pengkaji berkata, keadaan ini mampu memberikan kesan kepada individu yang menerima meme berkenaan. Oleh itu, kajian pengkaji ini dijalankan untuk mengenal pasti impak kepada penghasilan meme berkenaan dalam kehidupan sosiobudaya di Malaysia.

Sarjana bernama Nordiana Binti Ab Jabar (2019) pula dalam kajiannya yang bertajuk "*Keunggulan Ikon Membawa Teladan dalam Seloka Melayu*" menyatakan bahawa karya sastera Melayu tradisional sememangnya sarat dengan kisah seseorang yang memberi pengajaran dan menjadi sebutan nenek moyang dahulu sehingga ke hari ini. Antaranya ialah seloka. Seloka pada asasnya bertujuan sebagai hiburan iaitu mengetengahkan figura yang penuh dengan lawak jenaka. Kajian sarjana ini adalah berkaitan dengan watak di dalam Seloka Melayu yang dijadikan sebagai figura yang memberi tauladan dan untuk menerangkan fungsi seloka itu sendiri sebagai gambaran imej yang baik kepada pembaca. Selain itu, kajian ini juga mengangkat figura dalam seloka Melayu dari sudut pandang tauladan yang baik. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan iaitu merujuk bahan seperti artikel, buku, majalah dan tesis sarjana. Pengkaji mendapati setiap figura yang terdapat dalam seloka boleh membawa kesan yang baik kepada pembangunan jati diri dan tingkah laku yang baik kepada masyarakat.

2.4 Kajian Tentang Teori Komunikasi

Mohd. Aris Bin Anis & Ahmad Bin Esa (2012) dalam kajian bertajuk "*Fungsi dan Peranan Komunikasi berimplikatur dalam Budaya Masyarakat Melayu Islam*" menyatakan bahawa masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan kehalusan budi bahasanya. Bahasa tersirat yang digunakan ataupun komunikasi berimplikatur terpancar kepada pertuturan dan penulisannya. Pengkaji ada juga mengatakan bahawa kajian mengenainya amat kurang dilaksanakan. Justeru, pengkaji berpendapat kajiannya bertujuan untuk meninjau fungsi implikatur yang ada dalam komunikasi masyarakat Melayu Islam. Komunikasi berimplikatur ini terdapat di dalam teks Sejarah Melayu yang akan dicungkil bagi memudahkan pemahaman dan pengetahuan kepada fungsi yang sebenar dalam penggunaannya kepada masyarakat Melayu tradisional. Pengkaji berkata, kaedah utama penyelidikannya adalah kaedah analisis kandungan di

mana penyelidik akan menggunakan teks sejarah Melayu yang telah diselenggara oleh W. G. Shellabear sebagai subjek kajian.

Seterusnya, kajian oleh sarjana Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md. Radzi (2015) dengan tajuk kertas kerjanya "*Kesusasteraan Melayu Tradisional sebagai Wadah Komunikasi Massa: Suatu Analisis*" telah menyatakan bahawa kajiannya bertujuan menghuraikan kedudukan dan peranan kesusasteraan Melayu tradisional melalui konteks komunikasi massa. Kajian ini juga sebagai melihat peranan bagaimana karya kesusasteraan Melayu menjadi sebagai daripada medium penyampaian ilmu, pengajaran dan hiburan yang berkesan kepada masyarakat. Selain itu, pengkaji telah menggunakan kaedah pendekatan konseptual sebagai menganalisis bagaimana karya sastera berperanan dalam komunikasi. Pengkaji menggunakan kaedah yang diperkenal oleh Wilbur Schramm (1982) untuk sandaran dalam melihat kesusasteraan Melayu sebagai alat komunikasi massa.

Kertas kerja daripada sarjana yang lain iaitu Nurul Jamilah Ismail Rani, Nursyamimi Harun & Rahmatunnisah Hj. Sailin (2015) bertajuk "*Kekhawatiran Berkomunikasi dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*" menyatakan bahawa kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan komunikasi dalam kalangan pelajar di Malaysia terutamanya yang melibatkan para pelajar IPTA dan IPTS. Objektif kajian ini adalah untuk melihat kepada perbezaan tahap kekhawatiran berkomunikasi di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor mengikut kategori jantina, program dan demografi. Pengkaji menambah, kekhawatiran berkomunikasi boleh dikaji dari empat konteks seperti kumpulan, mesyuarat, interpersonal dan juga pengucapan awam. Program dan latar belakang pelajar juga yang berbeza menjadi antara faktor paling utama tahap kekhawatiran dalam berkomunikasi yang tinggi. Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif seperti soal selidik dan kualitatif melalui temubual dan pemerhatian selain faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kekhawatiran komunikasi dalam kalangan pelajar.

Selain itu, kajian oleh Maslida Yusof & Karim Harun (2015) dengan tajuk "*Analisis Lakuan Tutur dalam Ruangan Status Facebook*" memfokuskan kepada media sosial seperti *Facebook* dengan menganggapnya sebagai medium rangkaian sosial atas talian yang paling popular dalam kalangan pengguna media sosial di dunia. Seterusnya, penelitian yang dijalankan oleh pengkaji adalah fungsi komunikasi melalui lakuan tutur yang disampaikan pengguna media sosial melalui ruangan atau aktiviti kemas kini status. Dalam media sosial misalnya, ruangan dan pengemaskinian status aktiviti boleh dianggap sebagai satu rutin harian seseorang untuk berkomunikasi secara atas talian. Hal ini demikian, seseorang akan menggunakan pelbagai jenis lakuan bahasa di media sosial dengan memuat naik aktiviti mereka di ruangan kemas kini status. Justeru, pengkaji beranggapan bahawa mereka akan menggunakan bahasa yang pelbagai untuk menggambarkan emosi dan perasaan, berbahas atau menghina seseorang yang lain. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan iaitu mengambil sampel kemas kini status dan analisis kepada kerangka lakuan tutur oleh Searle (1969).

Selain daripada itu, kajian artikel yang ditulis oleh Muhammad Jeffry Hizwan Said (2018) bertajuk "*Kepentingan Teori Komunikasi kepada Masyarakat*" menyatakan bahawa komunikasi merupakan satu proses penyampaian kepada umum sama ada maklumat atau pesanan dari seseorang kepada seseorang yang lain supaya berlakunya satu keadaan yang mempengaruhi sesuatu perbuatan. Beliau menjelaskan lagi bahawa Profesor Wilbur Schramm ada menerangkan komunikasi dan masyarakat adalah dua data kembar yang tidak dapat dipisahkan. Seterusnya, beliau menampilkan kajian oleh Saodah, Narimah dan Mohd. Yusof (2003) bahawa komunikasi merupakan satu yang asas seperti keperluan seseorang untuk makan, tempat tinggal dan pakaian. Seseorang dalam masyarakat akan berkomunikasi antara satu sama lain yang merangkumi pelbagai kaum dalam proses sosial masyarakat itu sendiri. Tanpa adanya komunikasi dalam kehidupan masyarakat, sekumpulan masyarakat tidak mungkin terbentuk dan tidak dapat mengembangkan proses komunikasi dijalankan. Komunikasi berjaya jika

berlakunya persefahaman antara penerima dan pemberi dalam berkomunikasi untuk mencapai tujuan utama.

Berikutnya kajian oleh Doris M. Merkl-Davies & Niamh M. Brennan yang bertajuk "*A theoretical framework of external accounting communication*" menerangkan bahawa kajiannya menggambarkan rangka kerja kepada teori komunikasi perakaunan luar biasanya dalam pelbagai bentuk seperti bentuk perspektif, tradisi dan teori yang merujuk kepada disiplin pengajian komunikasi. Beliau turut menyatakan, dapatan kajiannya berfokus kepada komunikasi perakaunan dengan mengambil maklum balas daripada orang ramai melalui penyata kewangan yang telah diaudit, seperti laporan tahunan, siaran akhbar, laman web, dan lain-lain. Kajian terdahulu terutamanya berkaitan dengan komunikasi dari penyelidikan tradisi alternatif digalakkan. Akhir sekali, pengkaji ini menyimpulkan dengan agenda yang luas untuk penyelidikan masa depan dalam hubungan komunikasi.

2.5 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih: satu analisis Model SMCR oleh Wilbur Schramm boleh memberi kesan dan impak kepada masyarakat kini. Perbincangan mengenai tajuk kajian oleh pengkaji ini telah banyak dibincangkan melalui para sarjana dalam penulisan penyelidikan mereka. Berdasarkan kepada kajian lepas oleh para sarjana terdahulu, dapat dirumuskan bahawa terdapat pelbagai pandangan dalam menganalisis teguran dan mengaplikasikan penggunaan teori dalam kajian mereka yang mana sedikit sebanyak membantu pengkaji dalam melaksanakan kajian ini dengan baik dan sempurna.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

J. Supranto (1986:7) diambil daripada Azhar (2006:139) menjelaskan bahawa penyelidikan atau kajian yang dilakukan adalah satu kegiatan dalam pengumpulan, pengolahan dan analisis data secara sistematik dan cekap terhadap sesuatu persoalan. Justeru itu, tujuan dalam menjalankan kajian adalah untuk memperoleh jawapan melalui penggunaan langkah ilmiah yang sistematik dan saintifik. Hal ini demikian kerana, setiap kajian yang dilakukan memerlukan kepada metodologi sebagai kaedah untuk memperoleh dapatan kajian.

Bagi metodologi yang digunakan perlu ada teknik yang sistematik untuk menepati kehendak ilmiah, kaedah saintifik dan mempunyai kualiti. Metodologi merujuk kepada tatacara dalam melaksanakan sesuatu kajian untuk mendapatkan maklumat bagi memenuhi matlamat kajian. Ahmad Mahdzan Ayob (1993:44) menyatakan kaedah kajian sebagai satu langkah dan prosedur dalam mencapai objektif yang mana kajiannya. Melalui kajian ini juga, pengkaji memastikan bahawa teknik-teknik yang digunakan dapat menjamin satu kajian yang lebih teratur dan teliti daripada semua aspek.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kerlinger (1973:300) menyatakan bahawa reka bentuk kajian berfungsi sebagai satu panduan dalam suatu kajian bagi mencari jawapan yang jelas terhadap persoalan kajian. Reka bentuk kajian terbahagi kepada kaedah kualitatif, kaedah kepustakaan,

kaedah teks, kaedah pengumpulan data, sumber Internet dan juga pendekatan teori yang digunakan dalam kajian.

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Melalui kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah reka bentuk kualitatif. Kaedah Reka bentuk kualitatif ini dipilih kerana pengkaji ingin menganalisis kandungan teks seloka yang mengandungi unsur teguran iaitu menerusi *Rampai Sari Puisi Warisan* oleh Mohd. Yusof Md. Nor dan *Puisi Melayu Tradisional Pantun, Syair, Gurindam, Nazam, Seloka* oleh Zurinah Hassan.

3.2.2 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan satu kaedah yang menjadi pilihan utama para pengkaji dalam melaksanakan kajian bagi mendapat data dan maklumat berkaitan tajuk pengkajian. Kaedah ini merupakan satu usaha pengkaji untuk mendapatkan segala maklumat berkaitan dengan tajuk kajian di mana prosesnya melibatkan pembacaan daripada sumber rujukan yang diperolehi seperti buku-buku ilmiah, projek penyelidikan sarjana, sumber bertulis dan yang berkaitan dengannya. Oleh itu, pengkaji telah mengunjungi beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Awam Kuala Kangsar, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, Universiti Malaysia Kelantan, Bachok dan juga Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Kota Bharu untuk mendapatkan bahan-bahan berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Justeru itu, kesemua data yang diperolehi daripada kaedah kepustakaan yang digunakan oleh pengkaji, dapat dijadikan bahan dan maklumat dalam menyempurnakan hasil kajian ini.

3.2.3 Kaedah Teks

Bagi menyempurnakan kajian ini lagi, pengkaji menggunakan kajian teks *Rampai Sari Puisi Warisan* oleh Mohd. Yusof Md. Nor dan *Puisi Melayu Tradisional Pantun, Syair, Gurindam, Nazam, Seloka* oleh Zurinah Hassan. Kedua-dua teks ini menjadi pilihan utama pengkaji dalam menganalisis dan mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian. Bagi teks *Rampai Sari Puisi Warisan*, pengkaji mendapati lima seloka yang menjadi keutamaan iaitu seloka bertajuk *Emak Si Randang, Lebai Malang, Kias Ibarat, Nasib Malang* dan juga *Gurauan*. Kelima-lima seloka ini dibawah satu buku yang bertajuk seperti disenaraikan di atas. Manakala, teks *Puisi Melayu Tradisional* pula, pengkaji mendapati bahawa teks ini mengandungi tiga seloka iaitu *Seloka Pak Kaduk, Seloka Pandai Pak Pandir*, dan juga *Seloka Emak Si Randang*. Justeru itu, jelaslah bahawa teks yang disenaraikan di atas oleh pengkaji mengandungi beberapa koleksi seloka yang berkaitan dengan tajuk kajian oleh pengkaji.

3.2.4 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan satu kaedah mengumpul segala data dan maklumat yang diperolhi berkaitan dengan tajuk kajian oleh pengkaji. Bagi kaedah ini, data diperolehi daripada pelbagai medium seperti teks. Selain itu, kaedah data ini juga diperolehi melalui bahan-bahan perpustakaan seperti buku, majalan, jurnal, tesis dan dokumen-dokumen bercetak yang lain berkaitan misalnya dari aspek Teori Komunikasi Wilbur Schramm (1982) yang dikaji bersesuaian dengan tajuk kajian pengkaji.

3.2.5 Sumber Internet

Selain daripada yang dinyatakan di atas, pengkaji juga telah menggunakan sumber Internet dalam mencari dan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Sumber Internet merujuk kepada salah satu pencarian di laman sesawang yang mana antara medium pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan tajuk kajian. Hal ini demikian kerana, maklumat dan rujukan daripada Internet merupakan satu kaedah pencarian yang tidak terbatas kepada satu-satu kajian sebaliknya ianya menyeluruh dan sedikit sebanyak dapat membantu dalam pengkajian yang dilakukan oleh pengkaji. Seterusnya, melalui sumber Internet juga pengkaji dapat pelbagai contoh kajian lepas yang bersesuaian dengan tajuk kajian yang mana secara tidak langsung dapat dijadikan panduan dan rujukan sepanjang melaksanakan kajian ini.

3.3 Penggunaan Teori

Muhammad Jeffery Hizwan bin Said (2018) menyatakan teori Komunikasi secara dasarnya sebagai pernyataan bagi menerangkan, menjelaskan, menilai dan membuat ramalan terhadap komunikasi. Gabungan konsep teori ini seperti pernyataan dengan komunikasi membentuk satu tanggapan atau satu proses kepada faedah dalam penyelidikan. Teori Komunikasi adalah sangat penting bagi individu dan masyarakat dalam memahami konsep interaksi seseorang yang menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat.

Teori Komunikasi diperkenalkan oleh Wilbur Schramm pada tahun 1982. Di bawah teori ini telah dikemukakan satu model yang dikenali sebagai Model *Source-Message-Channel-Receiver* (SMCR) yang mana model ini dijadikan sandaran kepada pengkaji dalam melaksanakan tajuk kajian yang dinyatakan sebelum ini. *Source* (sumber) merupakan pencetus atau pemula kepada sesuatu penyampaian. *Message*

(mesej) ialah diterima daripada pencetus atau pemula daripada sumber. Bagi *channel* (saluran) pula ialah satu cara bagaimana sesuatu mesej itu disampaikan kepada penerima. *Receiver* (penerima) pula adalah orang atau satu organisasi yang menerima mesej melalui saluran.

3.4 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab ini jelas merungkai dengan lebih mendalam aspek kajian melalui reka bentuk, kaedah, dan teori yang digunakan dalam bahagian analisis bagi memperolehi hasil kajian yang memberangsangkan dan berkesan bersesuaian dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Aspek yang terkandung dalam bab metodologi kajian ini juga menjadi satu tunggak paling penting dalam memperolehi maklumat dan data berkaitan kajian yang secara langsung dapat memudahkan proses analisis kajian oleh pengkaji pada bab yang seterusnya dengan menerapkan model SMCR oleh Wilbur Schramm melalui empat elemen yang dihubungkan melalui hasil analisis kajian.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bahagian ini akan membincangkan analisis yang diperolehi dan didapati daripada kajian lepas berkaitan iaitu teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih dengan melihat kepada dapatan kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana dan juga daripada beberapa buah seloka Melayu yang terpilih. Berbalik kepada kajian yang ingin dilaksanakan ini, teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih ini menggunakan mesej atau penyampaian yang lebih berkesan tanpa menyakiti atau membuat orang yang ditegur merasa marah seperti yang diungkapkan oleh Nor Hashimah (2003) yang mana mesej yang dikemukakan secara tersirat dalam sesuatu karya lebih berkesan tanpa menyinggung hati dan perasaan sesiapa.

Sejajar itu, analisis kajian ini akan menumpukan kepada pendefinisian secara keseluruhan, jenis-jenis teguran yang terdapat dalam koleksi seloka Melayu terpilih dan juga kesan teguran dalam koleksi seloka terhadap masyarakat Melayu kini. Jenis teguran berkenaan merangkumi sindiran, teguran, halus, kasar dan nasihat yang mana kelima teguran ini adalah mencerminkan kepada tatasusila dan kehidupan masyarakat Melayu tradisional yang lebih baik dan boleh diikuti oleh masyarakat Melayu pada masa sekarang. Oleh itu, analisis yang diperolehi akan dibincangkan dan seterusnya menghubungkan objektif kajian dengan Model SMCR oleh Wilbur Schramm.

4.2 Definisi Seloka

Menurut Harun Mat Piah (1989:122), perkataan seloka itu sendiri berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu "*shloka*" yang membawa pengertian kepada puisi yang

terdiri daripada dua baris. Zainal Abidin Bin Ahmad (Za'ba) (1976) pula berpendapat, seloka adalah puisi karangan yang berangkap di mana bunyi hujung atau rimanya tidak tetap dan mempunyai pertentangan. Bilangan pada baris adalah terhad dan pada satu-satu rangkap juga bilangannya tidak menentu. Kebanyakan karya puisi seloka berunsurkan jenaka, sindiran dan kritikan kepada tingkah laku dan keperibadian seseorang atau sekelompok masyarakat Melayu pada masa itu.

Sebagai sebuah puisis tradisional, karangan yang berangkap atau bahasa yang berirama, seloka juga lebih dikenali sebagai pepatah, bidalan atau perumpamaan yang mengandungi unsur jenaka, gurau senda, olokan, ejekan dan sindiran. Walaupun mengandungi unsur-unsur yang dinyatakan tersebut, tetapi setiap penghasilan seloka itu sendiri memberikan pengajaran dan teladan kepada pembacanya. Kebanyakan seloka yang dihasilkan adalah berbentuk terikat iaitu empat baris pada satu rangkap seperti bentuk pantun dan syair. Selain itu juga, seloka ditulis dalam bentuk bebas yang mana pada setiap baris ayat menjadi isi kepada puisi berkenaan.

Dalam penulisan atas talian JAKIM (2014) menyatakan bahawa Rasulullah S.A.W melaksanakan kaedah membuat teguran seperti segera membetulkan kesalahan orang, menegur kesilapan dan menerangkan hukuman yang setimpal atas perbuatan yang dilakukan, tidak mudah menyalahkan orang lain daripada apa yang telah dilakukan, menegur kesalahan orang lain secara berhemah supaya dapat menjaga hati dan perasaannya, serta sentiasa memperbetulkan kesalahan orang lain jika ada atau sebaliknya. Hal ini demikian menunjukkan bahawa dalam Islam itu sendiri adanya adab dalam memberi dan menerima sesuatu teguran daripada orang lain seperti yang diamalkan oleh baginda Rasulullah S.A.W. Oleh itu, teguran yang diterima akan membuat seseorang itu tidak mudah marah dan secara tidak langsung orang tersebut akan cepat untuk mengubah dirinya sendiri ke arah yang lebih baik.

4.3 Teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih dengan mengaplikasikan Model SMCR daripada Wilbur Schramm (1982)

4.3.1 Sindiran

Artikel bertajuk “*Jenis Bahasa Sindiran dalam Ujaran Vlog*” daripada Siti Norsyahida Mohd. A. Rashid & Nor Azuwan Yaakob (2017) menyatakan bahawa bahasa sindiran itu merupakan satu bentuk perkataan yang mempunyai makna tersirat. Makna yang tersirat tersebut menyukarkan kepada penginterpretasian kepada makna sesuatu ujaran. Penghasilan seloka *Emak Si Randang*, ada diisi dengan menggunakan bahasa sindiran di mana pengarang ingin menyindir sikap emak Si Randang yang mana pengarang menjadikan perwatakannya sebagai seorang yang lebih mengutamakan orang luar yang baru sahaja dikenali berbanding anak kandungnya sendiri. Hal ini demikian kerana, perwatakan emak Si Randang digarapkan dengan seorang yang sanggup memasak nasi dengan menjadikan kayu pada binaan rumahnya sebagai bahan bakar. Pernyataan ini dapat dibuktikan dengan jelas menerusi petikan seloka dibawah:

Baik budi Emak Si Randang,
Dagang lalu ditanakkan,
Tiada kayu rumah diruntuhkan
Anak pulang kelaparan;

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Berdasarkan kepada petikan seloka di atas, jelas menggambarkan bahawa pengarang ingin menunjukkan perwatakan atau sikap emak Si Randang itu sendiri yang lebih mengutamakan orang luar berbanding anaknya sendiri. Buktinya melalui petikan tersebut, baris dua dan baris tiga jelas menyatakan bahawa Emak Si Randang iaitu seorang ibu tunggal yang hidup dalam kemiskinan, dan dia sanggup menjamu nasi kepada orang luar yang baru dikenali dengan harapan agar orang luar tersebut iaitu Si Dagang dapat memberi duit atau hadiah sebagai imbuhan kerana melayaninya ketika Si Dagang berlabuh di pelabuhan berdekatan rumahnya sehingga anaknya sendiri

dibiarkan perut kosong. Daripada peritiswa tersebut telah membuatkan pengarang untuk menyindir perbuatan sedemikian melalui penghasilan karya seloka berkenaan bahawa jangan melebihi-lebihkan orang luar atau orang asing dengan menjaga isi perutnya selain daripada anak sendiri dan dibiarkan anak dalam kelaparan.

Selain contoh petikan *seloka Emak Si Randang* yang dinyatakan di atas, contoh petikan *seloka Mat Jenin* juga menggunakan teguran sindiran oleh pengarang dalam karya seloka yang dihasilkan. Berikut merupakan petikan yang tersebut:

Akibatnya ia hilang pertimbangan,
Lalu jatuh tersebam ke tanah,
Nafas berhenti, mulut berdarah,
Angannya tidak berguna lagi.

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Contoh petikan *seloka Mat Jenin* yang dilampirkan di atas ini, pengarang menggunakan sebaik bahasa dalam menyindir atau memberi sindiran kepada masyarakat Melayu dahulu melalui penghasilan karyanya. Hal ini demikian kerana, melalui bahasa sindiran yang digunakan oleh pengarang dalam baris ketiga dan baris keempat, yang mana pengarang menggunakan kebijaksannya secara tidak langsung dapat menyampaikan makna disebalik ayat yang digarapkan oleh pengarang melalui penulisan karya tersebut serta dapat menjaga hati dan perasaan pembaca atau masyarakat Melayu yang ingin disampaikan sebalik makna bagi ayat tersebut. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran nilai dapat diamalkan oleh golongan masyarakat Melayu dahulu dalam menambah dan membaiki diri supaya sentiasa berfikiran realistik dan bukannya berkhayal kerana perbuatan tersebut akan merosakan emosi dan tingkahlaku seseorang kerana terus dibelenggu dengan khalayan yang boleh merugikan diri sendiri.

Arieff dan Wardah (2006) menjelaskan perlakuan dan tingkahlaku seseorang digambarkan sebagai perlakuan emosi. Perasaan tersebut dipengaruhi oleh fikiran mereka sendiri. Arieff dan Wardah turut menjelaskan bahawa suka dan duka kehidupan

dibentuk melalui kerangka perlakuan manusia itu sendiri. Oleh itu, contoh kedua-dua petikan seloka yang dilampirkan di atas membuktikan bahawa perilaku Emak Si Randang dan Mat Jenin dipengaruhi dengan emosi mereka sendiri iaitu emosi melebihi orang luar daripada anaknya sendiri dan Mat Jenin pula emosi yang berkhayal. Melalui model SMCR, ini boleh dihubungkan dengan model pendekatan pengajaran atau mesej (*message*) yang dikemukakan oleh Wilbur Schramm. Mesej ialah idea dan buah fikiran atau perasaan yang mengandungi simbol verbal iaitu dalam penyampaian sindiran melalui penghasilan seloka berkenaan. Jelaslah bahawa pengarang menggunakan bahasa yang sangat sesuai dalam menyindir perbuatan seseorang.

4.3.2 Teguran

Agama Islam mengajar umatnya untuk saling menasihati dan menegur antara satu sama yang lain. Teguran seperti menasihati dan menegur adalah satu perbuatan sangat baik dan dianjurkan dalam agama Islam itu sendiri, yang mana sememangnya sebagai seorang yang menganuti agama Islam perlu mendapat teguran supaya kita sendiri menyedari akan kesilapan, kesalahan dan kelemahan terhadap diri sendiri. (KHEU Brunei). Pada kita menghayati kehidupan Rasulullah S.A.W yang penuh dengan perbuatan menegur sahabat sekelilingnya, baginda sentiasa bertemu dengan pelbagai ragam dan karenah para sahabat yang terdiri daripada pelbagai lapisan keturunan masyarakat dan kedudukan. Keadaan ini memerlukan Baginda untuk bijak dalam mengatasi permasalahan termasuk dalam memberi teguran dan membetulkan kesilapan (JAKIM Sabah).

Melalui penghasilan *seloka Emak Si Randang* juga, pengarang ada memberi penekanan terhadap teguran kepada watak yang dibawah oleh emak yang lebih mengutamakan orang luar daripada keluarganya sendiri sehingga terpaksa

menanggung kerugian akibat sifat emak itu sendiri yang berhutang untuk melayani orang luar. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui penjelasan dalam penghasilan seloka tersebut seperti mana contoh yang diberikan dibawah::

Dagang pergi awak terhutang,
Beras habis padi tak jadi.

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Berdasarkan kepada petikan di atas, kedua-dua baris tersebut jelas menggambarkan bahawa pengarang menegur perbuatan emak Si Randang yang sanggup berhutang demi melayani dan memuaskan orang luar yang berkunjung ke rumahnya. Daripada perbuatan berhutang oleh emak Si Randang, telah merugikan dirinya sendiri dan secara tidak langsung telah mendatangkan kesusahan kepada dia dan anaknya disebabkan perbuatannya sendiri. Hal ini demikian kerana, orang luar yang dikenali sebagai Si Dagang itu tidak membuahkan hasil kepada emak Si Randang yang mana Si Dagang tersebut berlalu pergi tanpa membantunya kembali. Oleh itu, jelaslah pengarang sangat menitikberatkan hubungan kekeluargaan lebih penting daripada mengutamakan orang luar supaya hubungan antara keluarga sentiasa bahagia.

Selain daripada contoh petikan *seloka Emak Si Randang* yang dikemukakan tadi, terdapat juga petikan daripada *seloka Pandai Pak Pandir* yang mana pengarang turut menggunakan bahasa teguran dalam menyampaikan teguran kepada masyarakat Melayu tradisional seperti berikut:

Anak dipijak dagang dijinjing,
Kucing dibunuh tikus dibela,

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Perbuatan melebihkan orang luar daripada anak sendiri bukan sahaja terdapat dalam pengisian karya *seloka Emak Si Randang*, malah *seloka Pandai Pak Pandir* juga diisi dengan sifat melebihkan orang luar daripada anak sendiri. Ini dapat dibuktikan melalui contoh petikan di atas iaitu baris satu dan baris dua, yang mana Pak Pandir

sebagai watak utama dalam karya tersebut melebihi orang luar iaitu Dagang daripada anak kandungnya sendiri. Perbuatan tersebut sememangnya tidak mendatangkan manfaat kepada hidup Pak Pandir kerana pengarang telah menampilkan perwatakan Pak Pandir sebagai seorang yang mudah terpengaruh dengan orang luar. Justeru itu, melalui penghasilan seloka ini secara langsung dapat memberi pengajaran kepada masyarakat Melayu dahulu yang berkeluarga supaya sentiasa mengutamakan anak dan keluarga sendiri daripada orang luar.

Penulisan artikel atas talian daripada Hajah Farhana Tarmudi yang disiarkan oleh *Harian Metro* pada 17 Januari 2017 menyatakan keluarga adalah unit asas sosial terdiri daripada ibu, bapa dan anak yang membentuk sebuah keluarga. Keluarga dapat berfungsi dengan baik jika setiap ahli bergaul dan banyak maanfaat diperoleh jika keluarga bahagia dan bersatu padu. Pendekatan model SMCR dalam Teori Komunikasi oleh Wilbur Schramm, boleh dihubungkan dengan pendekatan mesej (*message*) yang mana pendekatan mesej ialah idea dan buah perasaan yang ingin dikongsi pengarang bersama pembaca. Apa yang diperkatakan ialah pengarang ingin berkongsi teguran kepada watak emak Si Randang dan Pak Pandir terhadap keutamaan mesti diberikan kepada anaknya daripada orang luar. Mesej yang disampaikan oleh pengarang bersifat teguran di mana pengarang menggunakan bahasa yang konkrit dan boleh jadi bahasa yang abstrak dalam menyampaikan mesej melalui petikan seloka yang di atas. Hal ini demikian kerana, pengarang melalui petikan seloka tersebut, menyampaikan mesej kepada pembaca untuk menyampaikan emosi pengarang terhadap perbuatan yang mengutamakan orang luar berbanding anaknya sendiri.

4.3.3 Halus

Kamus Dewan Edisi Keempat menyatakan bahasa halus sebagai satu bahasa atau perkataan yang lebih lembut digunakan untuk menggantikan perkataan yang

dirasakan kasar atau menyentuh perasaan orang lain. Bahasa halus digunakan secara beradab dan bersopan dengan menggunakan segala strategi dalam memmaniskan percakapan. Selain itu, penggunaan bahasa halus bertujuan untuk menghormati dan menjaga perasaan orang lain yang ditegur atau menerima teguran daripada seseorang sebagai mewujudkan suasana kemesraan dalam perhubungan. *Seloka Malang Pak Kaduk*, ada dinyatakan oleh pengarang dengan menggunakan bahasa halus dalam menyampaikan buah perasaan kepada pembaca disamping sebagai alat untuk menegur seseorang. Pengarang menggunakan bahasa halus tersebut sebagai menggantikan bahasa yang lebih kasar dalam mengajar atau memberi teguran kepada pembaca. Hal ini dibuktikan melalui petikan:

Aduhai malang Pak Kaduk,
Ayamnya menang kampung tergadai,
(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Berdasarkan kepada petikan *seloka Pak Kaduk* di atas melalui kedua-dua baris yang dinyatakan, sememangnya pengarang ingin menyampaikan maksud yang tersirat dan buah fikiran kepada pembaca melalui penghasilan karya *seloka Malang Pak Kaduk*. Pengarang ingin menyatakan bahawa perwatakan Pak Kaduk yang sememangnya hidup penuh dengan nasib malang dan suka bermain judi telah menyebabkan rumahnya digadai atau dipindah milik hasil daripada perbuatan bodohnya sendiri. Pak Kaduk digambarkan sebagai orang tua kampung yang suka berjudi dan suka membuat keputusan tanpa usul periksa terlebih dahulu akan kebaikan atau keburukan yang bakal dihadapinya kelak. Hal ini menyebabkan Pak Kaduk sering dimarahi oleh Mak Kaduk dan kemarahan tersebut tidak Pak Kaduk hiraukan.

Seterusnya adalah contoh petikan daripada *seloka Mat Jenin*. Di mana, petikan seloka tersebut pengarang menggunakan bahasa yang halus dalam memberi teguran kepada pembaca khususnya masyarakat Melayu tradisional seperti berikut:

Jual kelapa nak beli ayam,
Jual ayam nak beli itik,
Kalau ada emas berkoyan,
Rupa hodoh pun jadi cantik.

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Merujuk kepada contoh petikan seloka yang dinyatakan, pengarang menggunakan bahasa halus dalam memberi teguran kepada pembaca dalam menegur dan memberi pengajaran kepada masyarakat Melayu pada ketika itu. Seperti diketahui dalam baris tiga dan empat yang dinyatakan di atas, jelas bahawa pengarang menggunakan watak di dalam seloka iaitu Mat Jenin dengan menggambarkannya sebagai seorang yang suka berangan, melamun atau berkhayal. Oleh itu, daripada pemerhatian kepada dua baris berkenaan dalam petikan seloka yang dinyatakan di atas, jelas menggambarkan bahawa perwatakan Mat Jenin sebagai seorang yang tidak berpendirian tetap dalam urusan menjual beli dan seorang yang suka berangan merujuk kepada baris ketiga iaitu jika dia memiliki harta yang banyak secara tidak langsung dapat mengubah kehidupannya. Perbuatan tersebut sangat tidak sesuai diamalkan oleh seseorang kerana merugikan diri sendiri seperti mana kajian yang dilakukan dalam penulisan atas talian daripada Hasanudin Aco menerusi slot kesihatan www.tribunnews.com yang mengatakan Dr. Matt Killingsworth membuat kesimpulan daripada soal selidikanya bahawa berkhayal adalah perbuatan yang negatif dan merugikan diri sendiri.

Melalui pendekatan mesej (*message*) juga, dalam Model SMCR oleh Wilbur Schramm, jelas bahawa pengarang sememangnya menggunakan akal dan buah fikiran dalam menyampaikan maksud iaitu teguran kepada masyarakat Melayu dahulu dengan menggunakan baik-baik bahasa dan perkataan yang boleh dikatakan sebagai bahasa yang tidak mewujudkan kemarahan dan kebencian orang yang ditujunya. Pendekatan Mesej ini sememangnya sesuai digunakan kepada pernyataan di atas, kerana mesej yang disampaikan oleh pengarang merupakan mesej yang menggunakan emosi untuk

mempengaruhi pemikiran pembaca. Melalui *seloka Pak Kaduk* dan *Mat Jenin* ini juga, terpancarlah sebuah budaya masyarakat Melayu tradisional yang tidak mengkritik secara berterus terang tetapi secara halus dalam penyampaian maksud yang diinginkan.

4.3.4 Kasar

Bahasa kasar dalam pendefinisian kamus atas talian, *Pusat Rujukan Persuratan Melayu atau PRPM* (<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=bahasa%20kasar>) mendefinisikan perkataan bahasa kasar sebagai bahasa yang tidak sopan atau tidak manis digunakan dan dituturkan. Bahasa kasar ialah bahasa yang tidak sopan digunakan dalam pertuturan kerana ia dianggap dan melambangkan sebagai tidak menghormati dan tidak menjaga perasaan orang yang dilawan bercakap selain tidak akan mewujudkan kemesraan dalam hubungan persaudaraan dan kemasyarakatan. Bahasa kasar digunakan oleh pengarang dalam *seloka Malang Pak Kaduk* adalah bertujuan menyampaikan ketegasan dalam memberi nasihat dan pengajaran kepada pembaca. Perkataan yang kasar digunakan oleh pengarang adalah *dibunuh, dan mati*. Bahasa kasar ini ada dinyatakan dan dibuktikan melalui petikan:

Ada isteri dibunuh,
Nyaris mati oleh tak makan,
(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Berdasarkan kepada petikan seloka di atas kedua-dua baris tersebut, ada ditulis perkataan kasar oleh pengarang dalam menyampaikan dan memberi teguran kepada pembaca melalui penghasilan seloka berkenaan. Bahasa kasar tersebut seperti *dibunuh dan mati*, ingin menggambarkan bahawa apa yang dilakukan oleh Pak Kaduk iaitu yang suka berjudi sangat tidak elok dalam hubungan sebuah keluarga amnya atau hubungan suami dan isteri khususnya yang boleh membunuh atau menyebabkan kematian ahli keluarga. Hal ini demikian kerana, melalui perbuatan Pak Kaduk itu, secara tidak

langsung mendatangkan keburukan kepada keluarga atau isterinya dek kerana perangai yang suka berjudi dan suka membuat keputusan tanpa usul periksa terlebih dahulu. Perbuatan Pak Kaduk sememangnya tidak elok dijadikan sebagai tokoh yang membawa tauladan kerana Pak Kaduk seorang yang suka berjudi atau berlaga ayam dan tidak mempedulikan isteri dan keluarganya di rumah.

Seloka *Sikap Si Luncai* juga digarapkan dengan nilai-nilai yang memberi pengajaran buat pembaca dalam membaiki kekurangan yang ada pada diri masyarakat Melayu tradisional disamping sebagai pemudah cara oleh pengarang memberi nasihat dan teguran dengan makna penyampaian yang tersirat melalui penghasilan seloka berkenaan. Contoh petikan seloka ini ada menggunakan bahasa kasar tetapi penyampaiannya bersifat sopan dan santun kepada pembaca yang membacanya seperti petikan dua baris dibawah:

Ada belajar kepalang ajar,

Ada mengaji tiada mengkaji,

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Pengarang, sebagai orang yang bertanggungjawab kepada penghasilan seloka ini sedikit sebanyak penyampaiannya dalam memberi teguran kepada masyarakat Melayu dapat direalisasikan walaupun pengarang menggunakan ayat yang agak kurang sopan seperti yang disebutkan di atas. Hal ini demikian kerana, perkataan yang digunakan bukan semata untuk menyakiti atau memberi kemarahan kepada pembaca mahupun pendengar sebaliknya pengarang cuba menyampaikan teguran dan makna yang tersurat dengan menggunakan perkataan tersebut. Watak Si Luncai, yang ditampilkan oleh pengarang dalam seloka berkenaan, sedikit sebanyak sebagai gambaran masyarakat Melayu yang suka bersikap sambil lewa atau tidak mengambil berat akan sesuatu supaya tidak melakukan perbuatan tersebut kerana ianya tidak menjamin kebahagiaan seseorang sebaliknya akan memberi kesan buruk kepada kejayaan diri sendiri. Ini merujuk kepada penulisan artikel atas talian leaderonomics.com

bertarikh 20 Mac 2018 yang mengatakan berdasarkan kepada pandangan pakar motivasi, 80 peratus kejayaan dalam hidup bergantung kepada sikap, 19 peratus bergantung pada ilmu dan selebihnya bersandarkan kepada nasib seseorang.

Melalui Pendekatan Mesej (*message*), pengarang menyatakan buah fikiran dengan menyampaikan emosinya melalui penghasilan seloka berkenaan supaya pembaca dapat mengambil yang baik dan menjauhkan yang keruh. Hal ini demikian kerana, perbuatan berjudi atau berlaga ayam tidak mendatangkan kebaikan atau memberi manfaat kepada seseorang atau kepada sebuah keluarga. Sebaliknya, ia merugikan dan melalaikan tanggungjawab sebagai seorang ketua keluarga melalui watak Pak Kaduk dalam menyara dan mencari rezeki kepada keluarganya dan isterinya manakala watak Si Luncai yang suka mengambil sikap sambil lewa dalam sesuatu perkara yang berada dipersekitarannya. Oleh itu, pendekatan mesej yang ingin dikongsi oleh pengarang memberikan idea dan perasaan kepada pembaca untuk menjauhkan perbuatan-perbuatan yang merugikan dan sebaliknya menumpahkan peluh dalam mencari sesuap nasi untuk keluarga dan isteri.

4.3.5 Nasihat

Dalam Bahasa Arab, makna dan perkataan *nasihat* itu sendiri membawa maksud kepada yang dinasihati akan mendapat faedah daripada nasihat yang telah diberi. Ia juga membawa erti kepada menasihati hendaklah dengan menggunakan perkataan yang baik serta ikhlas dan bersih dari maksud yang tidak baik. (www.iluvislam.com). Amran Zakaria (2016) pula dalam artikel yang diterbitkan atas talian melalui *BH Online* menyatakan, sebaik-baik pemberi nasihat itu memiliki akhlak yang lemah lembut, bersopan-santun dan berhemah dalam menyampaikan nasihat supaya mampu mengindahkan telinga yang mendengar dan secara tidak langsung dapat mempertimbangkan buah akal mereka yang menerina nasihat. Melalui kajian seloka

Melayu terpilih, *seloka Pandai Pak Pandir* sememangnya penuh dengan buah fikiran pengarang yang digarapkan dengan pelbagai nasihat dan pengajaran kepada pembaca, seperti petikan berikut:

Apa didengar gelagak dagang,
Gelagak rambutan jantan,
Orang berbunga dia berbunga,
Orang berbuah dia haram,

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Berdasarkan petikan *seloka Pandai Pak Pandir* diatas, jelas bahawa pengarang ingin mengatakan Pak Pandir melakukan sesuatu yang merugikan dirinya sendiri seperti mana yang dinyatakan pada baris ketiga dan keempat dalam petikan di atas. Baris ketiga dan keempat tersebut jelas menyatakan kebodohan Pak Pandir dalam merugikan diri sendiri dengan sikap tamak, suka meniru orang lain tanpa menyedari akan kebolehan diri sendiri boleh mendatangkan keburukan kepada keluarganya dan secara tidak langsung dapat mempengaruhi pemikiran pembaca. Sikap Pak Pandir yang digambarkan oleh pengarang melalui petikan diatas melalui baris ketiga dan keempat, sebagai seorang yang tidak berpendirian teguh atau mudah terikut dan terpengaruh dengan cara orang lain sehingga perbuatan yang merugikan diri sendiri itu tidak mendatangkan sebarang hasil atau keputusan yang baik buat dirinya dan keluarga.

Kedua pula ialah, contoh petikan *seloka Mat Jenin*. Jika petikan sebelum ini adalah petikan daripada *seloka Pandai Pak Pandir*, pengarang *seloka Mat Jenin* juga ada penyampaian teguran berupa nasihat untuk masyarakat Melayu seperti berikut:

Inilah lagak orang dah kaya,
Selalu sangat lupakan diri,

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Contoh petikan pada baris satu dan dua yang diambil daripada karya *seloka Mat Jenin* tersebut sememangnya mengandungi teguran berupaya nasihat untuk pembaca.

Pengarang, menggunakan perkataan dan bahasa yang sebaik-baiknya sebagai maksud menyampaikan buah fikiran dan perasaannya kepada orang Melayu yang suka berkhayal seperti mana watak Mat Jenin. Perbuatan berkhayal tidak mendatangkan kebaikan kepada diri sendiri sebaliknya ia satu kerugian dan bukan sahaja kepada diri Mat Jenin tetapi kepada pembaca. Hal ini demikian kerana, berkhayal walaupun itu satu perbuatan yang percuma kerana tidak melibatkan tenaga badan, tetapi itu satu tingkahlaku yang boleh memberi kesan kepada diri Mat Jenin. Artikel yang disiarkan atas talian tribunnews.com, tulisan oleh Hasanudin Aco pada 18 Mac 2017 menyatakan pengkajian menemui orang yang selalu melamun dan berkhayal cenderung kepada kurangnya kebahagiaan dalam hidup. Dr. Matt Killingsworth dari Havard University memberi kesimpulan daripada soal selidiknyanya bahawa berkhayal merupakan satu perbuatan yang negatif dan mampu membuat seseorang manusia tidak bahagia yang boleh merugikan diri sendiri.

Melalui Teori Komunikasi oleh Wilber Schramm, dengan menggunakan Pendekatan Mesej (*message*) melalui Model S.M.C.R, terbukti bahawa pernyataan di atas sangat sesuai digambarkan oleh watak Pak Pandir dan Mat Jenin yang dikarang dan dihasilkan oleh pengarang melalui penulisan seeloknya untuk dijadikan pengajaran dan tauladan kepada si pembaca agar tidak terikut-ikut atau mudah terpengaruh dengan cara hidup orang lain dan jauhkan diri daripada terlalu berkhayal sehingga boleh merugikan diri sendiri. Hal ini demikian kerana, perbuatan mengikut dan terpengaruh dengan cara orang lain bukan selalunya mendatangkan hasil yang baik kepada diri sendiri. Sebaliknya, perbuatan tersebut melalui gambaran watak Pak Pandir dan Mat Jenin itu, adalah merugikan mereka sendiri.

4.4 Kesan teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih kepada masyarakat Melayu kini

4.4.1 Pembinaan akhlak masyarakat Melayu yang kukuh

Akhlak dari segi bahasa ialah sebagai moral, tabiat, perangai, budi, adab, sifat semulajadi, maruah, watak, amalan agama atau rupa batin seseorang. Manakala, dalam Islam akhlak didefinisikan sebagai satu sifat atau sikap keperibadian seseorang dalam membentuk kehidupan lebih sempurna berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Allah SWT. Melalui seloka Malang Pak Kaduk, pengarang ingin menyampaikan teguran kepada masyarakat Melayu dengan menonjolkan watak Pak Kaduk sebagai seorang yang tidak mempunyai akhlak yang kukuh. Hal ini demikian kerana, dia mudah terpedaya dengan golongan pemimpin sehingga dia sanggup mengadaikan harta benda kepada golongan tersebut. Perbuatan dia sangat merugikan diri sendiri kerana tidak menggunakan buah fikiran yang sebetulnya. Peristiwa tersebut dapat dibuktikan melalui petikan seloka seperti berikut:

Ayamnya menang kampung tergadai

Ada nasi dicurahkan

Awak pulang kebuluran

(Puisi Melayu Tradisional. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Berdasarkan kepada petikan seloka di atas, baris pertama jelas menggambarkan bahawa Pak Kaduk seorang yang tidak mempunyai akhlak yang kukuh dan mudah terpengaruh dengan golongan tertentu yang ingin mengambil kesempatan ke atas dirinya semata-mata. Daripada perbuatan tersebut, Pak Kaduk kehilangan harta benda yang dimilikinya dek kerana akhlaknya yang membuat keputusan ketika bermain permainan judi atau bersetuju semberono juga melalui judi tanpa usul periksa terlebih dahulu.

Selain daripada perbincangan petikan seloka di atas berkaitan dengan pembinaan akhlak masyarakat Melayu yang kukuh, daripada *seloka Mat Jenin* juga boleh dibincangkan seperti petikan berikut:

Akibatnya ia hilang pertimbangan,
Lalu jatuh tersembam ke tanah,
Nafas berhenti, mulut berdarah,
Angannya tidak berguna lagi.

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Merujuk kepada petikan di atas, *seloka Mat Jenin* sememangnya sarat dengan ilmu pengajaran dan dalam masa yang sama memberi tauladan kepada masyarakat Melayu agar sentiasa kukuh dalam pembinaan akhlak supaya tidak mudah berangan yang tidak memberi manfaat kepada diri sendiri seperti contoh pada petikan di atas melalui baris ketiga dan keempat. Petikan seloka tersebut membincangkan watak Mat Jenin yang suka berangan dan daripada akibat kuat berangan ini telah menggadaikan nyawanya sendiri kerana terjatuh dari atas pokok. Pengarang, menggunakan watak Mat Jenin untuk memberi teguran dan daripada teguran tersebut dapat memberi kesan kepada pembaca khususnya masyarakat Melayu dahulu supaya perbuatan berangan tersebut merugikan akhlak keperibadian sendiri.

Kesan perbuatan tersebut kepada masyarakat Melayu, kita mestilah mempunyai akhlak yang kukuh dalam kehidupan seharian. Jadikan watak Pak Kaduk dan Mat Jenin sebagai pengajaran yang memberi kebaikan kepada diri sendiri dan bukannya diambil sebagai hiburan yang tiada makna. Hal ini demikian kerana, pembinaan akhlak yang kukuh ini dapat menghindarkan diri kita daripada mudah terpengaruh dengan golongan tertentu yang ingin mengambil kesempatan ke atas diri kita yang lemah dan miskin. Ini disokong oleh kajian daripada Dr. Matt Killingsworth yang menyimpulkan bahawa daripada soal selidik yang dibuat, berkhayal merupakan satu perbuatan negatif dan mampu membuat seseorang manusia tidak bahagia dan merugikan diri sendiri. Oleh itu,

pembinaan akhlak yang kukuh ini wajar dipraktikkan dalam kehidupan harian agar kita tidak terjerumus ke dalam lembah yang merugikan diri kita sendiri.

4.4.2 Melahirkan masyarakat Melayu yang berfikiran rasional

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan rasional sebagai alasan yang muhasabah yang mendasari kepada sesuatu tindakan, perbuatan atau pegangan. Selain itu, perkataan rasional boleh dikatakan sebagai berfikir berdasarkan kepada alasan dan bukti yang nyata serta akan mengambil tindakan yang berasaskan kepada pertimbangan yang wajar. Melalui penghasilan *seloka Emak Si Randang*, sebagai seorang emak mestilah bersifat rasional dalam membuat sebarang keputusan dan jangan menyesali perbuatan yang telah dilakukannya. Berikut merupakan petikan seloka yang menunjukkan sifat tidak rasionalnya emak Si Randang:

Dagang lalu ditanakkan,
Tiada kayu rumah diruntuhkan,

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Berdasarkan kepada petikan *seloka Emak Si Randang* di atas, pengarang melalui penghasilan seloka berkenaan jelas ingin menyampaikan dan mengetengahkan unsur-unsur sindiran dalam mendidik dan membentuk sebuah masyarakat yang bersifat rasional. Hal ini demikian kerana, watak yang digambarkan oleh pengarang melalui seloka berkenaan dalam baris pertama dan kedua itu, jelas tidak bersifat rasional, kerana Si Randang lebih mementingkan orang luar iaitu Si Dagang daripada ahli keluarga dan anaknya sendiri sehingga membuat keputusan ingin merobohkan rumahnya untuk dijadikan bahan bakar memasak.

Dalam karya *seloka Sikap Si Luncai*, juga terdapat pengajaran yang boleh dijadikan sebagai pembelajaran kepada orang Melayu agar sentiasa berfikiran rasional

dalam setiap perbuatan atau tindak tanduk yang boleh mempengaruhi diri kita sendiri agar tidak merugikan seseorang seperti teguran daripada petikan berikut:

Sikap Si Luncai, biarkan, biarkan...,
Ada rumah tidak dijaga.
Ada anak tidak dilatih,
Ada ternakan tidak dibela,
Ada kebun tidak ditanam,
Ada cerdik tidak selidik.

(Puisi Melayu Tradisional. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Petikan seloka di atas, pada baris kedua sehingga baris keenam jelas bahawa pengarang menegur masyarakat Melayu menerusi nukilan watak dan perwatakan yang dibawa oleh Mat Jenin yang mana sikapnya yang tidak rasional atau tidak mengambil peduli akan yang dia miliki seperti ada rumah, mempunyai anak, membela binatang ternakan, memiliki tanah kebun dan mempunyai akal yang cerdik yang dikarang oleh pengarang tetapi dia tidak menggunakan kesemuanya yang dia ada dengan rasional dan daripada itu akhirnya dia mendapat kerugian daripada segalanya. Rentetan daripada sikap yang tidak rasional oleh Si Luncai ini boleh dijadikan pengajaran dan sedikit sebanyak dapat membelajarkan diri sendiri supaya sentiasa berfikiran rasional dalam urusan seharian yang melibatkan diri kita. Pengarang juga menegur masyarakat Melayu melalui watak Si Luncai bahawa dengan kebolehan yang ada, dia tidak menggunakannya sehingga dia terpaksa menimpa kerugian.

Kesan perbuatan tersebut dalam masyarakat Melayu ialah melahirkan masyarakat Melayu yang mempunyai fikiran rasional dalam membuat keputusan atau mengambil tindakan yang sewajarnya demi masa hadapan. Melalui watak-watak seperti Emak Si Randang dan Si Luncai sememangnya perlu dijadikan pengajaran kepada pembaca khususnya masyarakat Melayu mengenai emosi dan perilaku agar sentiasa berfikiran rasional supaya tidak menjadi satu perbuatan yang buruk dan boleh merugikan

diri sendiri. Hal ini demikian kerana, berfikiran rasional wajar ada dalam diri seseorang kerana ianya memberi dan mendatangkan kebaikan yang banyak daripada keburukan kerana setiap keputusan atau tindakan yang dilakukan adalah berfikiran rasional iaitu berfikir sebelum melakukannya. Oleh itu, berfikiran rasional sememangnya satu sifat yang memberikan kehidupan seseorang lebih positif dan sentiasa bahagia dengan apa tindakan yang telah dibuatnya seperti mana kajian daripada Arieff dan Wardah (2006) yang menyatakan perlakuan dan tingkahlaku seseorang digamabrkan kepada perlakuan emosi yang dibentuk daripada kerangka perlakuan manusia sendiri sama ada baik atau buruknya.

4.4.3 Pembinaan jati diri yang teguh dalam kalangan masyarakat Melayu

Azzurin Mohd Yassin & Mas Rynna Wati Ahmad (2018) dalam artikel *Konsep Jati Diri Melayu dalam Puisi Catatan Kembara "Nota Kecil Menyeberang Usia"* menyatakan bahawa jati diri Melayu adalah berkait dengan maksud orang Melayu yang telah digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu sebagai seorang yang beragama Islam, menggunakan bahasa Melayu, serta mengamalkan budaya dan adat Melayu dalam kehidupan seharian. *Kamus Dewan Edisi Keempat* pula mendefinisikan jati diri ialah sifat atau ciri yang unik dan istimewa dari segi adat, bahasa, budaya dan agama yang menjadi teras utama kepada lambang keperibadian seseorang individu ataupun sesebuah bangsa. Pernyataan ini bagi mengukuhkan petikan seloka berikut:

Apa didengar gelagak dagang,
Gelagak rambutan jantan,
Orang berbunga dia berbunga,
Orang berbuah dia haram,

(Puisi Melayu Tradisional. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Berdasarkan kepada petikan *seloka Pandai Pak Pandir* di atas, pengarang ingin menyampaikan kepada pembaca bawah sikap Pak Pandir seorang yang tidak

berpendirian atau tidak mempunyai jati diri yang teguh. Hal ini demikian kerana, pada baris ketiga dan keempat jelas menggambarkan perwatakan Pak Pandir sebagai seorang mudah terikut-ikut dan terpengaruh dengan cara orang lain akan tetapi hasil yang dilakukan olehnya tidak mendatangkan sebarang hasil yang baik atau boleh dikatakan sebagai satu perbuatan yang merugikan dirinya sendiri. Ini menunjukkan bahawa pengarang ingin mengatakan masyarakat Melayu tradisional dahulu seperti Pak Pandir terlalu mendengar pendapat orang lain dan secara tidak langsung mencerminkan dirinya sebagai seorang yang malas dalam berfikir atau memberikan buah fikiran sendiri.

Pembinaan jati diri orang Melayu yang teguh ada selain daripada petikan *seloka Pandai Pak Pandir* diatas, turut ditegur dalam petikan *seloka Mat Jenin* seperti berikut:

Jual kelapa nak beli ayam,
Jual ayam nak beli itik,
Kalau ada emas berkoyan,
Rupa hodoh pun jadi cantik.

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Petikan seloka yang dibincangkan di atas, menyatakan bahawa pengarang menegur orang Melayu khususnya dengan menggunakan watak Mat Jenin yang suka berangan ingin menjual kelapa dan ayam untuk membeli itik dan secara tidak langsung ingin menjadi kaya-raya dan memiliki rupa wajah yang menarik seperti mana melalui petikan dinyatakan dengan melihatkan kepada baris pertama sehingga baris yang terakhir. Ini telah memberi kesan kepada masyarakat Melayu terhadap pembinaan jati diri yang teguh. Pengarang sememangnya mempunyai idea dalam menyampaikan pengajaran dan teguran kepada masyarakat Melayu sehingga melalui teguran tersebut dapat memberi kesan kepada pembaca khususnya dengan pemantapan jati diri yang lebih teguh berbanding sebelumnya. Oleh itu, melalui petikan yang dinyatakan, jelas bahawa orang Melayu dahulu tidak mempunyai jati diri yang teguh sebagai lambang

kebanggaan kepada diri sendiri seperti mana yang digarapkan oleh pengarang melalui penghasilan watak Mat Jenin dalam karya selokanya.

Kesan perbuatan seperti yang disampaikan oleh pengarang melalui *seloka Pandai Pak Pandir* dan *seloka Mat Jenin* ialah orang Melayu mestilah mempunyai jati dirinya yang teguh sebagai lambang kebanggaan diri dan dalam mengeluarkan sebarang buah fikiran atau pendapat untuk kepentingannya sendiri. Dan bukannya mengharapkan pendapat atau idea daripada orang lain semata-mata. Hal ini demikian, secara tidak langsung perbuatan seperti digambarkan oleh Pak Pandir dan Mat Jenin itu yang mudah terpengaruh dan terikut cara orang lain akan mempengaruhi pemikiran pembaca. Zainal Rijal (2010) menyatakan jati diri telah menjadi lambang kepada kebanggaan diri sendiri iaitu rakyat. Oleh itu, melalui pemikiran mudah terikut cara orang lain ini dan tidak yakin pada diri sendiri adalah suatu yang tidak sihat kepada proses perkembangan otak seseorang manusia kerana kita tidak menggunakan otak kita sendiri untuk berfikir dengan cara yang sesuai kepada kita.

4.4.4 Mewujudkan sifat keyakinan diri dalam kalangan masyarakat Melayu.

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan keyakinan sebagai kepercayaan yang bersungguh-sungguh. Manakala Buletin RISDA, menyatakan keyakinan adalah kepercayaan yang tidak berbelah bagi. Tambahnya, keyakinan diri pula ialah satu kepercayaan bahawa dirinya boleh mengendalikan kehidupan harian dengan baik dan segala cabaran yang dihadapi dengan jayanya. Petikan *seloka Pak Pandir* ada digambarkan melalui watak Pak Pandir yang tidak mempercayai diri sendiri atau tidak sedar akan kelemahan yang ada pada dirinya. Ini jelas melalui petikan:

Mendengar gelagak dagang,
Tak sedar bertelanjang,

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Berdasarkan kepada petikan yang dinyatakan di atas pada baris pertama dan terakhir itu, pengarang menggambarkan bahawa Pak Pandir seolah tidak mengetahui akan kewujudan kelemahan pada dirinya dan membuatnya untuk tidak memperbaiki kelemahan tersebut. Jika Pak Pandir mengetahui bahawa dirinya tidak berpakaian sudah pasti dia akan bertindak untuk berpakaian atau menutupi bahagian badannya dan disebabkan dia tidak sedar, dia telah membiarkan dirinya telanjang dan tidak berpakaian. Hal ini demikian, telah menunjukkan bahawa watak Pak Pandir tidak mempunyai keyakinan kepada dirinya sendiri sehingga dia tidak sedar akan kelemahan yang ada pada dirinya melalui petikan seloka yang dinyatakan di atas tadi.

Seperti perbincangan berkaitan petikan *seloka Pak Pandir* di atas, pengarang adalah sebaik-baik pengarang dalam menghasilkan seloka sebagai bentuk menegur masyarakat Melayu berkaitan dengan sifat keyakinan diri yang perlu dalam diri seseorang. Oleh itu, menerusi *seloka Mat Jenin* seperti berikut:

Jenin hanyut dalam angan-angan,
Dia lupa buat seketika,
Sambil mengangkat kedua tangan,
Menggenggam kuat tanda gembira.

(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Berdasarkan kepada petikan seloka di atas, jelas bahawa pengarang menggambarkan watak Mat Jenin menerusi petikan di atas pada baris ketiga dan keempat yang mana wataknya seperti seorang yang kuat berangan sehingga membuatkan Mat Jenin lupa pada seketika dan mengangkat tangannya tanpa disedari bahawa dirinya sekarang berada di atas pokok. Peristiwa tersebut digambarkan oleh pengarang sebagai satu perbuatan yang menrugikan diri sendiri dan tiada keyakinan diri. Hal ini demikian kerana, watak Mat Jenin ditampilkan sebagai seorang yang suka berangan kosong tanpa memikirkan dan menyedari akan hakikat bahawa kehidupannya adalah seorang yang miskin. Oleh itu, tiada keyakinan diri akan menyebabkan masa

hadapan seseorang seperti Mat Jenin tidak akan bahagia dan berjaya. Seperti petikan ayat dalam artikel Dr. Siti Marziah Zakaria bertajuk *Kuasa Keyakinan Diri*, mengambil pernyataan daripada Samuel Johnson yang menyatakan keyakinan diri adalah syarat pertama kepada masa hadapan yang hebat.

Kesan teguran tersebut kepada masyarakat Melayu jelas bahawa pengarang sememangnya menggunakan fikiran dalam menyampaikan maksud melalui penghasilan karya puisis ini. Hal ini demikian kerana, melalui penghasilan karya inilah dapat mendidik dan memberi pengajaran kepada masyarakat pembaca khususnya akan keyakinan kepada diri sendiri dan secara tidak langsung sedar akan kelemahan yang menyinggah ke atas diri kita sendiri. Oleh itu, keyakinan kepada diri haruslah ada dalam diri setiap masyarakat Melayu kerana melalui keyakinan diri kita dapat menyedari kelemahan dan seterusnya memperbaiki kelemahan tersebut dengan kebaikan yang sewajarnya. Daripada itu juga kehidupan seseorang pada masa hadapan akan lebih baik serta berjaya daripada sekarang dan jika sebaliknya tiada keyakinan diri, kehidupan tidak akan baik. Ini disokong pernyataan daripada Marcus Garvey dalam artikel Dr. Siti Marziah Zakaria bertajuk *Kuasa Keyakinan Diri*, menyatakan sekiranya anda tidak mempunyai keyakinan diri, anda adalah dua kali kalah dalam perlumbaan kehidupan. Keyakinan diri ini lah anda dikatakan telah menang walaupun anda baru bermula.

4.4.5 Mewujudkan sifat kasih sayang dalam kalangan masyarakat Melayu

Kasih sayang adalah kenikmatan yang dapat dirasakan oleh setiap manusia di dunia. Dengan adanya kasih sayang, terciptalah kepedulian, kedamaian dan rasa empati kepada orang sekeliling. Selain itu, kasih sayang boleh mendorong manusia membantu meringankan penderitaan yang dialami oleh manusia lain. (www.dalamislam.com). Pengarang melalui watak Si Luncai dalam petikan *seloka Sikap*

Si Luncai menggambarkan bahawa *Si Luncai* tidak mempunyai sifat kasih sayang misalnya kepada anaknya sendiri. Ini dijelaskan melalui petikan:

Ada anak tidak dilatih,
(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Berdasarkan kepada petikan baris seloka di atas, jelas menggambarkan bahawa watak *Si Luncai* tidak mempunyai sifat kasih sayang dalam dirinya terhadap anaknya. Hal ini demikian, pengarang bijak dalam memberi teguran dan pengajaran kepada pembaca melalui penghasilan puisi tersebut bahawa sifat yang diamalkan oleh *Si Luncai* yang tidak menyayangi anaknya dan bersifat “biarkan, biarkan” adalah satu perbuatan yang tidak baik dalam hubungan kekeluargaan atau hubungan bapa dan anak. Jika *Si Luncai* tidak mengambil sikap “biarkan-biarkan” yang melibatkan anaknya, sudah pasti pengarang tidak akan menegur disamping memberi didikan kepada masyarakat pembaca akan sifat kasih sayang kepada anak sendiri.

Dalam *seloka Pak Kaduk*, juga dititikberatkan oleh pengarang dalam menegur dan memberi pengajaran kepada orang Melayu berkaitan kasih sayang dalam petikan berikut:

Ada isteri dibunuh,
Nyaris mati oleh tak makan,
(*Puisi Melayu Tradisional*. (2012). Perpustakaan Negara Malaysia)

Petikan dua baris di atas ini jelas menggambarkan bahawa *Pak Kaduk* sebagai seorang yang bertindak kejam kerana dipengaruhi perasaan marah sehingga sanggup membunuh isterinya kerana sering menegur perbuatan bodoh yang dilakukannya. Pengarang, menghasilkan seloka ini dengan memasukkan ayat petikan seperti di atas sebagai menegur perbuatan *Pak Kaduk* yang tiada sifat kasih sayang dalam dirinya sehingga sanggup membunuh ahli keluarganya terutama isterinya sendiri. Hal ini demikian kerana, perbuatan bodoh *Pak Kaduk* sering kali dimarahi oleh *Mak Kaduk* dan akibat itulah *Pak Kaduk* sanggup melakukan perbuatan terkutuk tersebut. Oleh itu, tiada

kewujudan kasih sayang dalam diri Pak Kaduk dan membuatkan hubungan kekeluarganya tidak bahagia kerana tiada sifat kasih sayang.

Kesan teguran daripada *seloka Si Luncai* dan *seloka Pak Kaduk* kepada masyarakat Melayu ialah kita hendaklah mempunyai sifat kasih sayang kepada ahli keluarga tidak kira antara suami isteri yang membentuk keluarga bahagia atau anak supaya sifat kemenjadiannya akan terdidik dengan baik. Latifah Arifin dalam penulisan artikel atas talian Berita Harian Online dengan tajuk *Keluarga bahagia saling memberi* menyatakan, tanda mudah mengesan wujudnya kasih sayang yang diredai oleh Allah dalam hubungan kekeluargaan adalah terserlah kepada sifat yang lebih banyak dalam memberi berbanding menerima. Oleh itu, melalui penghasilan karya seloka ini jelaslah bahawa sifat kasih sayang seorang bapa kepada anak perlu diterapkan kepada masyarakat Melayu kerana setiap karya yang dihasilkan tidak semata-mata sebagai hiburan tetapi pengajaran untuk mendidik demi sebuah kehidupan keluarga yang sempurna.

4.5 Kesimpulan

Teguran yang diterima oleh seseorang bukan sebagai untuk melemahkan orang yang ditegur dan bukan pula sebagai untuk menunjukkan orang yang tegur pula sebagai seorang yang bijak. Sebaliknya adalah sebagai satu cara untuk memperbaiki diri yang lebih baik dan jangan pula menganggap sebagai satu perbuatan yang tidak penting ataupun menganggap teguran yang dilontarkan adalah salah. Addin dalam penulisan akhbar atas talian *Harian Metro* bertarikh 21 Mac 2019 menyatakan Rasulullah mengingatkan, sesuatu kebenaran itu perlu dinyatakan bukti biarpun pahit untuk ditelan. Hal ini demikian kerana, dalam Islam ada menggariskan panduan dalam memberi dan membuat teguran yang merangkumi niat dalam menegur mestilah betul demi kebaikan orang berkenaan dan bukannya bertujuan untuk menjatuhkannya, memalukannya, menghina, membuka

aib atau sebarang niat untuk memburukkannya. Beliau menambah, perbuatan menegur juga perlu secara berhikmah dan bukan sengaja mencari kelemahan dalam menegur orang lain.

Secara kesimpulannya, bahagian ini menjelaskan secara terperinci analisis kajian melalui pendefinisian, jenis teguran dan kesan teguran kepada masyarakat Melayu melalui seloka terpilih yang dikaji. Aspek yang terkandung dalam bab analisis kajian ini menjadi salah satu tunjang kepada perincian kajian yang dijalankan oleh pengkaji melalui pengaplikasian objektif kajian dengan menerapkan model SMCR daripada Wilbur Schramm yang telah mengemukakan empat (4) elemen penting dalam model berkenaan untuk dihubungkan dengan analisis kajian.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dan menyimpulkan secara keseluruhan berkenaan analisis kajian yang diperoleh oleh pengkaji melalui penyelidikan dan pengumpulan bahan-bahan dan rujukan berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan serta yang bersandarkan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Selain itu, cadangan-cadangan juga digariskan yang boleh diikuti atau dilaksanakan pada masa hadapan berkaitan dengan hasil kajian. Fokus kajian ialah “Teguran Masyarakat Melayu dalam Koleksi Seloka Terpilih: Analisis Model SMCR oleh Wilbur Schramm”. Pengkaji membuat beberapa bahagian yang terperinci dengan data kajian terhadap kesan teguran masyarakat Melayu dalam seloka.

Hasil daripada pemahaman terhadap kajian ini dapat dirumuskan bahawa kajian ini menyenaraikan dan menganalisis jenis teguran masyarakat Melayu dalam seloka terpilih dan kesan teguran terhadap masyarakat Melayu kini. Dalam sesebuah penghasilan puisi tradisional amnya, seloka khususnya, mengandungi pelbagai jenis teguran yang menyindir, bergurau, bersenda dan sebagainya adalah satu cerminan masyarakat Melayu dahulu dalam membina jati diri dan akhlak yang lebih baik serta terpuji. Bagi teguran yang terkandung samada tersirat mahupun tersurat menggunakan baik-baik kata dan perkataan yang tidak akan menyakiti hati penerima atau pembaca. Seperti mana dalam agama Islam diajar oleh Baginda Rasulullah S.A.W., bahawa perbuatan menegur ada adabnya supaya yang ditegur tidak terasa atau sebaliknya. (JAKIM Sabah)

Wilbur Schramm telah memperkenalkan suatu model yang dipanggil sebagai *the Model of Source-Message-Channel-Receiver* atau Model SMCR pada tahun 1982 dalam

Teori Komunikasi. *Source* atau sumber merujuk kepada tempat bermulanya proses komunikasi. *Message* atau mesej adalah idea dan perasaan yang ingin dikongsi bersama antara sumber dan penerima. *Channel* atau saluran ialah jalan yang dilalui oleh mesej untuk disampaikan kepada penerima daripada sumber. Dan *receiver* atau penerima pula ialah individu, kumpulan, mahupun orang ramai yang merupakan sasaran mesej. Berlo (1960) mengatakan walaupun model di atas nampak seperti mudah, tetapi ianya dilihat kepada setiap unsur dan menyenaraikan ciri-ciri bagi setiap satu unsur berkenaan yang memberi kesan kepada komunikasi.

Justeru itu, jelaslah disini bahawa teori komunikasi amnya dan model SMCR khususnya dapat memberikan kesan mendalam kepada pembaca karya seloka. Hal ini demikian kerana, setiap karya seloka yang dinukilkan dan disampaikan kepada pembaca, sememangnya memberikan 1001 makna tersirat dan tersurat supaya diamalkan oleh masyarakat Melayu kini agar tidak terikut dengan apa yang dihasilkan oleh pengarang kerana setiap penghasilan seloka berkenaan bertujuan sebagai gurau-senda, sindiran mahupun nasihat kepada pembaca agar sentiasa membaiki diri dan akhlak.

5.2 Perbincangan

Berdasarkan kepada kajian yang telah dilaksanakan, pengkaji memperoleh hasil kajian bahawa teguran-teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih adalah suatu tindakan yang bernas bagi pengarang dalam memberi teguran atau nasihat melalui penghasilan sesebuah karya seloka Melayu. Harun Mat Piah (1989:122) yang menyatakan perkataan seloka berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu "*shloka*" yang membawa kepada makna puisi yang terdiri daripada dua baris. Penghasilan sesebuah karya seloka bukan semata hiburan, tetapi sebagai mendidik. Misalnya, sebagai contoh *seloka Emak Si Randang*, adalah sebuah karya seloka yang menegur sikap emak Si

Randang yang lebih mengutamakan Dagang daripada anak kandungnya sendiri. Dalam setiap penghasilan karya berkenaan, pengarang telah menonjolkan baik-baik ayat dan perkataan dalam memberi teguran, sindiran, nasihat atau gurauan kepada masyarakat Melayu tradisional yang banyak kelopongannya dan melalui penghasilannya sedikit sebanyak dapat membaiki nilai-nilai yang baik dalam kehidupan masyarakat Melayu kini.

Bagi menyingkap perbincangan yang telah dijalankan, teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih sememangnya banyak digarapkan dengan makna yang tersurat mahupun tersirat. Hal ini demikian kerana, setiap ayat dan perkataan yang dikarang menjadi sebuah hasil karya seloka Melayu terulung, kerana pengarang menggunakan sebaik-baik pemikirannya dalam memberi teguran kepada pembaca supaya tidak selalu mengambil hal berkenaan sebagai mudah kerana setiap perbuatan yang dilakukannya boleh menjadi ikutan kepada masyarakat Melayu kini. Pengarang, menggunakan kebijaksanaannya dalam memberi teguran yang mana setiap penghasilan seloka adalah bukan sebagai hiburan semata-mata, walaupun ada sesetengah karya seloka berunsurkan jenaka, tetapi ianya adalah satu tindakan pengarang menggunakan ayat dan perkataan yang memberi makna tersirat mahupun tersurat. Makna tersirat dan tersurat inilah membawa pembaca untuk berfikirannya sebaiknya dalam mengambil iktibar, tauladan dan nasihat di dalam setiap karya seloka Melayu yang telah dihasilkannya walaupun adakala sesetengah karya berunsur jenaka atau gurau-senda dalam mengkritik atau memberi teguran kepada masyarakat Melayu.

Kesan teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka Melayu terpilih kepada masyarakat kini, mengandungi banyak pengajaran dan boleh diperolehi serta dipelajari daripada setiap teguran, nasihat, sindiran mahupun adakalanya mengandungi gurau-senda yang telah digarap oleh pengarang itu sendiri berdasarkan kepada persekitarannya. Hal ini demikian kerana, pengarang bukan semata-mata menghasilkan seloka sebagai hiburan yang mana setiap baik-baik penghasilannya karya ada menyampaikan dan memberi makna yang tersurat dan tersirat kepada pembaca.

Sebagai masyarakat Melayu yang lahir dalam zaman teknologi perindustrian, amatlah mudah untuk mencari atau mengakses hasil-hasil karya seloka yang pelbagai tema, persoalan dan pengajaran yang dihadirkan oleh pengarang kepada pembaca untuk diamati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, tiada alasan bagi masyarakat Melayu kini untuk mengatakan tidak mengetahui akan kewujudan karya seloka yang memberi banyak nilai dan pengajaran kepada pembaca itu sendiri.

5.3 Cadangan

Kajian ini merupakan satu kajian yang mengkaji teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih disamping memperlihatkan kesan teguran tersebut yang terdapat dalam seloka kepada masyarakat Melayu kini. Umum mengetahui, bahawa setiap penghasilan karya seloka adalah sebagai hiburan semata-mata, tetapi disebalik hiburan semata-mata itu, ada makna tersurat mahupun tersirat yang mana ada teguran, sindiran, nasihat dan gurau-senda yang memberi pengajaran kepada pembaca untuk dihayati, diamati dan dipelajari dalam kehidupan seharian.

Selain itu, penghasilan kajian ini sedikit-sebanyak dapat memberikan sumbangan kepada pengkaji lain mengenai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji sekarang iaitu berkaitan teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka Melayu terpilih dengan mengaplikasikan Teori Komunikasi melalui pendekatan Model SMCR daripada Wilbur Schramm. Muhammad Jeffery Hizwan Said (2018) dalam penulisan bertajuk *Kepentingan Teori Komunikasi kepada Masyarakat* mengatakan ianya penting kerana akan menjadi satu penanda asas kepada pembentukan nilai sosial individu. Antara pembentukan nilai sosial individu yang dikatakan oleh beliau adalah meningkatkan pengetahuan masyarakat, menjelaskan maklumat secara terperinci kepada masyarakat, menerapkan nilai murni dan memberi gambaran yang jelas

terhadap sesuatu perkara. Bukan hanya disitu, melalui komunikasi juga dapat mengeratkan hubungan masyarakat dan individu melalui unsur hiburan dan jenaka.

Bukan itu sahaja, penghasilan kajian ini turut dapat mengangkat martabat sesebuah karya seloka Melayu sebagai salah satu kajian yang telah dilaksanakan di peringkat Universiti. Hal ini demikian kerana, melalui hasil kajian ini dapat membuka minda pengkaji lain untuk mengetahui dengan lebih dekat berkaitan sesebuah karya seloka yang mana ianya memberi pelbagai makna tersurat dan tersirat dan secara tidak langsung dapat menarik minat pengkaji itu sendiri serta dapat mengangkat nilai dan mutu karya seloka Melayu tradisional. Karya sastera tradisional Melayu ini sarat dengan pengkisahan individu yang penuh dengan nilai dan pengajaran yang boleh menjadi ikutan.

Justeru itu, semoga dengan penghasilan kajian ini dapat memberikan pengetahuan dan maklumat berkaitan seloka dan teori komunikasi yang berpandukan kepada model SMCR daripada Wilbur Schramm serta dapat memberikan tindakbalas yang positif kepada generasi kini yang semakin dibawa arus kemodenan yang berpaksikan kepada revolusi perindustrian. Seterusnya, melalui kajian ini juga dapat mendedahkan kepada masyarakat kini bahawa karya sastera adalah satu seni kreatif yang mampu mengawal perilaku dan tindakan sosial masyarakat. Misalnya, melalui karya seloka yang umum mengetahui sering dihadirkan bersama watak-watak yang digambarkan penuh jenaka dan seakan-akan bodoh namun jika diperhalusi, ianya penuh dengan keindahan dan mempunyai makna yang tersurat mahupun tersirat.

5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, setiap penghasilan karya seloka yang dihasilkan dengan menggunakan kebijaksanaan pemikiran pengarang dalam memberi dan menasihati masyarakat Melayu telah dizahirkan dengan kewujudan beberapa seloka.

Antaranya seloka *Malang Pak Kaduk, Pandai Pak Pandir, Emak Si Randang, Sikap Si Luncai, Mat Jenin* dan banyak lagi yang mana tidak diketengahkan kepada umum atau masyarakat kini. Dapat dilihat, daripada penghasilan karya berkenaan, pengarang telah menghadirkan watak-watak untuk dijadikan sebagai satu watak yang mampu memberi teladan dan pengajaran yang berguna kepada masyarakat Melayu meskipun setiap watak berkenaan adanya yang bersifat baik mahupun sebaliknya.

Oleh itu, dengan kajian ini dapat diharapkan sebagai satu yang boleh memberi gambaran kepada pengkaji lain dalam melihat karya seloka sebagai satu kajian yang menarik dan dapat diteruskan oleh pengkaji-pengkaji yang lain untuk menilai atau mengkaji dari sudut yang berbeza atau sebaliknya. Penemuan kajian ini telah menjawab kepada objektif kajian dan persoalan kajian yang dikaji oleh pengkaji dalam koleksi seloka Melayu terpilih. Hasil penelitian ini, telah memberikan tanggapan awal bahawa kajian dengan menggunakan analisis kajian lepas yang dilaksanakan oleh pengkaji lain sebagai panduan dalam menganalisis kajian ini dengan lebih sempurna. Justeru itu, perbincangan dan cadangan yang diberikan sebelum ini dapat memberi impak kepada pengkaji lain dalam melaksanakan kajian yang lebih baik dan sempurna serta mendalam berkaitan karya seloka.

Rujukan

- Amran Zakaria. (29 Mac 2016). *Nasihat secara berhikmah, ikhlas jalin persaudaraan*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/03/138397/nasihat-secara-berhikmah-ikhlas-jalin-persaudaraan> (Akses pada 21 Disember 2020)
- Arina Johari & Indirawati Zahid. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *Journal of Language Studies*. Vol. 16(2), 73-91.
- E.H Nathasia. (23 Jun 2017). *Rakyat Malaysia Malas Membaca Ke?*. Retrieved from <https://www.thepatriots.asia/rakyat-malaysia-malas-membaca-ke/> (Akses pada 21 Disember 2020)
- Faizatul Farlin Farush Khan. (19 November 2014). *Membina jati diri Melayu*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/node/10000> (Akses pada 21 Disember 2020)
- Faizul Nizar Anuar, et.al. (2016). *Memahami Meme Sebagai Seloka Harian: Impak Dimensi Sosiobudaya dan Politik*. International Conference on Creative Media, Design & Technology. 1.-20.
- Faizul Nizar Anuar, Fauziah Ahmad & Sabariah Mohamed Salleh. (2018). Meme Sebagai Seloka Persendaan dan Parodi: Impak Dimensi Sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 34(1), 75-96.
- Hajahfarhana Tarmudi. (11 Januari 2017). *Rahmat keluarga bersatu*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/node/196240> (Akses pada 21 Disember 2020)
- Hasanudi Aco. (18 Mac 2017). *Bahaya Sering Berkhayal*. Retrieved from <https://m.tribunnews.com/kesehatan/2017/03/18/bahaya-sering-berkhayal> (Akses pada 21 Disember 2020)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sabah. (2014). *Kaedah Rasulullah SAW Dalam Memberi Teguran*. Retrieved from http://jakimsabah.islam.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=83:kaedah-rasulullah-saw-dalam-memberi-teguran&catid=32&Itemid=180&lang=ms (Akses pada 21 Disember 2020)
- Kementerian Hal Ehwal Ugama. (2016). *Adab Dalam Memberi Nasihat dan Teguran*. Retrieved from <http://www.kheu.gov.bn/Lists/khutbah/NewDisplayItem.aspx?ID=710> (Akses pada 21 Disember 2020)
- Khairul Azhar Meerangani. (2017). *Kaedah Pembentukan Karakter Anak-Anak Menurut Islam: Analisis Surah Luqman*. Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Insan 2017. 1-11.
- Latifah Arifin. (5 September 2019). *Keluarga bahagia saling memberi*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/09/607033/keluarga-bahagia-saling-memberi> (Akses pada 21 Disember 2021)
- Marlyna Maros. (2011). Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu*. Jilid 3, 7-20.
- Maslida Yusof & Karim Harun. (2015). Analisis Lakuan Tutar Dalam Ruangan Status Facebook. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 31(2), 151-168.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2015). Keintelektual Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara: Penelitian Awal

- Berdasarkan Perspektif Pendekatan Pengurusan. *Journal of Business and Social Development*. Vol. 3 No. 2, 1-16.
- Mohd Aris Anis & Ahmad Esa. (2012). *Fungsi dan Peranan Komunikasi Berimplikatur Dalam Budaya Masyarakat Melayu Islam*. World Conference on Islamic Thought. 1-9.
- Mohd. Yusof Md. Nor (Peny). (2016). *Rampai Sari Puisi Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Jeffery Hizwan Said. (2018). *Kepentingan Teori komunikasi Kepada Masyarakat*. Universiti Terbuka Malaysia (OUM).
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2015). Kesusasteraan Melayu Tradisional Sebagai Wadah Komunikasi Massa: Suatu Analisis. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 31(2), 183-194.
- Nik Fazli Mohamad & Samsina Abd Rahman. (2015). Puisi-Puisi Melayu Tradisional Dalam Drama Bukan Lalang Ditiup Angin (1970) karya Noordin Hassan. *Journal of Business and Social Development*. Vol. 3 No. 1, 33-42.
- Nor Hasimah Ismail, et.al. (2017). *The Human Capital in Seloka Pak Kaduk*. Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR), Vol. 125, 235-239.
- Nordiana Binti Ab Jabar. (2019). Keunggulan Ikon Membawa Teladan Dalam Seloka Melayu. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*. Jilid 7/Jan/2019, 172-191.
- Salim Md Zain. (Tiada Tahun). *Budaya Ilmu dalam Kalangan Rakyat Malaysia*. Retrieved from <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=1254> (Akses pada 21 Disember 2020)
- Saadah Wok, Narimah Ismail & Mohd. Yusof Hussain. (2003). *Teori-Teori Komunikasi*.
- Siti Norsyahida Mohd. A. Rashid & Nor Azuwan Yaakob. (2017). Jenis Bahasa Sindiran dalam Ujaran Vlog. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. Vol. 07, 17-29.
- Suriyany Awaludin. (21 Mac 2019). *Teguran disalah anggap*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/addin/2019/03/436211/teguran-disalah-anggap> (Akses pada 21 Disember 2020)
- Syafiq Salleh. (19 Oktober 2016). *Islam Agama Nasihat Dan Menasihati*. Retrieved from <https://ikimfm.my/islam-agama-nasihat-dan-menasihati/> (Akses pada 21 Disember 2020)
- Zurinah Hassan. (1994). *Puisi Melayu Tradisional: Pantun, Syair, Gurindam, Nazam, Seloka*. Ampang: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.

Lampiran

